


Jilid 1  
Bil.23



**MALAYSIA**

Hari Selasa  
15bb Januari, 1991

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

## **DEWAN RAKYAT**

*House of Representatives*

## **PARLIMEN KELAPAN**

*Eighth Parliament*

## **PENGGAL PERTAMA**

*First- Session*

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 3425]

### **RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan 1991**

**Jawatankuasa -**

**Jadual:**

**Maksud B.17 [Ruangan 3465]**

**Maksud B.18 [Ruangan 3466]**

**Maksud B.19 [Ruangan 3514]**

### **USUL:**

**Anggaran Pembangunan 1991**

**Jawatankuasa -**

**Maksud P.17 [Ruangan 3465]**

**Maksud P.18 [Ruangan 3466]**

**Maksud P.19 [Ruangan 3514]**

MALAYSIA

## **DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,  
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.  
(Kubang Pasu).

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,  
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,  
D.P.M.P. (Labis).

Menteri Tenaga, Telekom darv Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,  
S.P.M.P., S.P.M.I., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,  
D.P.C.M. (Beruas).

Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH  
Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'  
DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,  
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

Menteri Pendidikan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.  
(Permatang Pauh).

Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S.,  
D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P.  
(Merbok).

Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL  
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,  
P.N.B.S. (Pekan).

Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,  
S.-S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).

„ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK. S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Benteng).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATO BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TINC CHEW PEH (Gopeng).

„ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.U.K., J.P., A.D.K. (Semporna).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N. (Kota Tinggi).

Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONO TEE KEAT (Ampang Jaya).

„ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).

„ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).

„ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJJ TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).

Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).

Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).

„ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).

„ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHAUD BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol)

Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).

Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).

Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).

Timbalan "Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).

„ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TENG (Taiping).

Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.I.K. (Setiu).

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).

Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).

Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).

„ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemanum).

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN ONG KA TING (Pontian).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).

TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).

„ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

„ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).

DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).

„ DATUK HAJI ABOUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).

DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).

„ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).

„ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

„ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

„ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.I.K. (Hulu Terengganu).

Yang Berhormat DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

- TUAN HAJI AWANO BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT Joo (Hulu Rajang).
- TUAN HAJI BUNYAMN BIN YAAKOB (Bachok).
- TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- TUAN Foo PIEW KOK (Batu Gajah).
- TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- CHE IBRAHIM BIN MUSTAPA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
- DATO' K. KUMARAN (Tapah).

fang Berhormat TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).

TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).

TUAN ROBERT LAU Hoi CHEW (Sibu).

TUAN LIEW AH KIM (Sepuieh).

TUAN LIM GUAN ENG (Kola Melaka).

TUAN LIM HOCK SENO (Bagan).

TUAN LIM Krr SIANG (Tanjong).

PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).

DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).

DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).

TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).

TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).

DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).

TUAN MICHAEL ASANG, B.s.K. (Jambongan).

TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).

TUAN HAJI MOHAMAD BiN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).

TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).

TUAN MOHAMED KAMAL BiN HussAiN (Lembah Pantai).

TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).

DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIIH, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).

TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K.. (Sepang).

TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).

TUAN HAH MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).

DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).

TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.st.J. (Limbawang).

TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).

DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).

TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

TUAN ONG TIN KIM (Telok Intan).

DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).

DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

Yang Berhormat DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).

TUAN QAMARUZAMAN BIN HAJI ISMAIL (Bagan Serai).

TUAN RADIN MALLEH (Padas).

PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).

TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).

PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).

„ TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).

Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).

DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).

TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).

TUAN SIM KWANO YANG (Bandar Kuching).

PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.s. (Segamat).

TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanang).

TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).

„ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (**Sri Aman**).

TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

DR TAN SENG GIAW (Kepong).

TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).

WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).

WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).

„ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).

WAN OMAR BIN WAN NAJIB (Pasir Puteh).

TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).

TUAN WONG WING ON (Kampar).

TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).

DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).

TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).

„ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).

TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).

TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).

TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAIKANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,  
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Abdul Rahim bin Abdul.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Selasa, 15hb Januari, 1991

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**DASAR APARTHEID—  
PENGLIBATAN MALAYSIA**

**1. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Luar Negeri menyatakan:**

- (a) sejauh manakah penglibatan Malaysia di dalam menentang dasar apartheid dan lawatan Dr Nelson Mandela ke Malaysia baru-baru ini adakah merupakan salah satu daripada kesinambungan sokongan Malaysia terhadap perjuangan tersebut;
- (b) setakat manakah kejayaan pihak ANC di dalam memperjuangkan hak mereka memandangkan ANC telah mendapat banyak sokongan sama ada dari segi politik dan ekonomi daripada negara lain termasuk Malaysia; dan
- (c) kenapakah Universiti Malaya menganugerahkan Ijazah Doktor Kehormat Persuratan kepada Dr Nelson Mandela, sedangkan Universiti-universiti lain yang terkemuka mengiktiraf perjuangan beliau tidak menganugerahkan ijazah yang serupa.

Menteri Luar Negeri (Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

- (a) Penglibatan Malaysia di peringkat antarabangsa dalam menentang dasar apartheid regim Afrika Selatan bermula sejak tahun 60an lagi. Kita telah memainkan peranan penting dalam penyingkiran regim Afrika Selatan dari menganggotai Komanwel pada tahun 1961. Usaha-usaha kita selama ini juga telah mendapat penghormatan dan pengiktirafan dunia. Ini terbukti apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah diberi kepercayaan untuk mempengerusikan satu mesyuarat di antara pemimpin-pemimpin Komanwel dengan Encik Nelson Mandela di Lusaka, Zambia pada bulan Februari tahun lalu, dan dengan perlantikan Malaysia sebagai Ahli Jawatankuasa Menteri-menteri Luar mengenai Afrika Selatan.

Kita dan masyarakat antarabangsa akan terus mendesak supaya rakyat kulit hitam diberi hak-hak asasi bagi menentukan masa depan mereka, termasuklah pemerintahan yang berlandaskan demokrasi.

- (b) Dengan sokongan antarabangsa, usaha pihak ANC sekian lama dalam memperjuangkan hak rakyat kulit hitam di Afrika Selatan telah membuahkan hasil yang positif. Encik De Klerk telah menarik balik keadaan

darurat di keempat-empat wilayah di Afrika Selatan dan pengharaman ke atas pergerakan-pergerakan pembebasan serta organisasi-organisasi anti apartheid. Pembebasan Encik Mandela dan penyokong-penyokongnya serta tahanan politik lain adalah juga hasil dari perjuangan mereka yang berterusan.

Titik yang penting dalam perjuangan ANC adalah mendapatkan persetujuan Encik De Klerk untuk berunding dengan Encik Nelson Mandela dalam mencari penyelesaian politik terhadap masalah Afrika Selatan.

- (c) Universiti Malaya menganugerahkan Ijazah Doktor Kehormat Persuratan kepada Encik Nelson Mandela sebagai penghormatan kepada perjuangannya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, banyak universiti lain telah memberi penghormatan yang sama kepada Encik Mandela, termasuk Universiti Kebangsaan Lesotho, "City College of City University of New York", dengan izin, dan Universiti Hindu Benaras, India.

## KERETAPI TANAH MELAYU— PENSWASTAAN

**2. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sejauh manakah perkembangan dan kemajuan cadangan penswastaan Keretapi Tanah Melayu (KTM);
- (b) sila nyatakan nilai harta dan tanah kepunyaan KTM yang akan dilibatkan dalam cadangan penswastaan tersebut; dan

- (c) benarkah ura-ura bahawa cadangan penswastaan KTM akan dibatalkan, jika benar, mengapa.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bagi tujuan perbadanan Keretapi Tanah Melayu sehingga ini Rang Undang-undang Keretapi 1991 dan Rang Undang-undang Keretapi (Syarikat Pengganti) 1991 sedang disiapkan.
- (b) Nilai harta dan tanah KTM mengikut satu penilaian yang telah dijalankan pada tahun 1986 dianggarkan berjumlah \$706,004,052.
- (c) Ingin saya memaklumkan dt Dewan yang mulia ini bahawa adalah tidak benar cadangan penswastaan KTM akan dibatalkan. KTM sebenarnya akan diperbadankan dahulu sebelum ianya diswastakan.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam usaha Kerajaan memperbadankan KTM, saya ingin tahu sejauh manakah pihak Kerajaan telah membincang dengan pihak pekerja-pekerja yang terlibat di dalam KTM berhubung dengan nasib dan kebajikan mereka apabila KTM diperbadankan.

Yang kedua, saya ingin lahu sama ada satu penyelesaian telah tercapai antara pihak KTM dengan pegawai dan kakitangan yang terlibat dan apakah perjanjian yang telah dicapai itu.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perbincangan dengan pekerja-pekerja telah dijalankan dan pengakuan diberi iaitu mana-mana pekerja di mana juga peringkat di dalam penswastaan, mereka dijamin tidak akan mendapat kerugian. Sebagaimana

mereka ada sekarang, mereka akan terus berkeadaan sedemikian ataupun dalam keadaan lebih baik lagi, seperti yang telah terbukti dengan Klang Container Terminal.

**Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, bila keretapi diswastakan, adakah KTM masih bercadang untuk menambahkan rangkaian keretapi di kawasan Lembah Kelang untuk mengurangkan kesesakan jalan? Itu yang pertama.

Yang kedua, memandangkan trafik ataupun jalanraya antara Kuala Lumpur dan Johor Bahru akan bertambah digunakan dan perlu juga dipertingkatkan hubungan perjalanan antara dua destinasi itu, iaitu Kuala Lumpur dan Johor Bahru, adakah KTM seperti di negara-negara yang lebih maju bercadang untuk melaksanakan satu keretapi yang laju ataupun, dengan izin, high-speed train connection antara Johor Bahru dan Kuala Lumpur?

Yang ketiganya ....

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, Dua sahaja.

**Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis:** Dua sahaja. Terima kasih.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, untuk menyelesaikan masalah kesesakan di jalanraya memang Keretapi Tanah Melayu sekarang ini sedang melaksanakan projek rel berkernbar, iaitu untuk lebih cepat lagi, lebih banyak lagi perkhidmatan yang boleh diberikan terhadap orang ramai sama ada passenger train ataupun goods train dan itu sedang dilaksanakan oleh KTM.

Mengenai jalanraya yang lebih baik, setakat ini Keretapi Tanah Melayu belum ada cadangan untuk mewujudkan train yang laju dan kemungkinan apabila didapati bahawa keperluan yang ada, ada

### SIARAN TELEVISYEN DI KELANTAN—GANGGUAN

3. Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak minta Menteri Penerangan menyatakan adakah disedari bahawa siaran televisyen di negeri Kelantan sentiasa mengalami gangguan dari siaran televisyen negeri Thai dan jika ya, apakah tindakan untuk menyelesaikan masalah itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan memang menyedari bahawa siaran televisyen di negeri Kelantan, khususnya bagi kawasan-kawasan sepanjang dan berhampiran dengan sempadan Thai, mengalami gangguan dari siaran televisyen negara Thai.

Gangguan ini adalah kerana stesyen pemancar televisyen Thailand di Haadyai dan di Yala mempndnyai frekuensi siaran yang sama dengan pemancar televisyen Malaysia di Gunung Jerai dan Bukit Bakar di Kelantan.

Mengikut amalan antarabangsa, pembahagian atau penggunaan frekuensi bagi negara-negara berjiran adalah berasaskan pada yang dahulu didahulukan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, pihak berkuasa Thailand mula menggunakan frekuensi berkenaan kira-kira dalam tahun 1986 sedangkan RTM telahpun menggunakan frekuensi yang sama sejak tahun 1966 lagi.

Perkara ini telah dibawa ke perhatian pihak berkuasa Thai, di mesyuarat penyelarasan penggunaan frekuensi di kawasan sempadan pada 31hb Januari, 1989. Mesyuarat tersebut telah ber-setuju untuk menyelidik dan membuat cadangan bagi mengatasi masalah ini.

Satu jawaunkuasa kerja bersama antara kedua negara telah menjalankan beberapa ujian dalam tahun 1989 bagi mengatasi pelapisan frekuensi itu tetapi hasilnya tidak begitu berjaya.

Kedua-dua pihak secara benerusan telah mengadakan perundingan-perundingan pada tahun 1990. Oleh kerana perkara ini masih belum mendapat satu keputusan muktamad dan masih belum dapat mencari penyetesaian usaha-usaha lanjutan sedang dalam tindakan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Jendol:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya harap Setiausaha Parlimen akan sudi menjawab walaupun agak keluar sedikit daripada soalan asal kerana soalan asal ini berhubung dengan Kelantan sahaja dan saya ingin bercakap secara keseluruhannya iaitu ....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jika hendak bercakap, cakap pada masa yang lain jika ianya keluar daripada pertanyaan asal.

**Tuan Haji Ibrahim bin Jendol:** Tidak ada. Sedikit menyentuh tentang siaran.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cuba tengoklah. (*Ketawa*)

**Tuan Haji Ibrahim bin Jendol:** Baru-baru ini kita telah diberitahu bahawa ada satu siaran di TV berhubung dengan satu drama "Selamat Tahun Baru Y.B.", kalau tidak silap saya, dan drama ini amat baik sekali kalau ditonton oleh setiap Wakil Rakyat dan juga Menteri dan Timbalan Menteri, dan soalan saya, adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengedarkan tape drama ini kepada semua Wakil Rakyat?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh. Soalan ini keluar langsung. (*Ketawa*) Tak usah jawab.

## KERJASAMA EKONOMI ASEAN/ASIA PASIFIK

4. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah rancangan jangka pendek dan jangka panjang oleh negara-negara ASEAN dalam:

- (a) kerjasama ekonomi ASEAN;
- (b) "Trade Protectionism"; dan
- (c) kerjasama ekonomi Asia Pacific.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Dato' Seri Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, rancangan jangka pendek dan jangka panjang ASEAN dalam perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bolehlah dirumuskan seperti berikut:

- (i) Dari segi kerjasama ekonomi, langkah-langkah telah dan sedang dilaksanakan untuk meluaskan liputan dan penggunaan Skim Peraturan Perdagangan Istimewa ASEAN, memperbaiki lagi potongan tarif yang diberi serta mengurangkan bilangan barangan yang dikecualikan daripada Peraturan tersebut. Dalam masa yang sama, langkah-langkah telah diambil bagi mengurangkan sekatan-sekatan bukan tarif supaya perdagangan dapat dilakukan dengan lebih bebas. Di bidang pelaburan pula, Skim Projek Usahasama Industri ASEAN atau, dengan izin, ASEAN Industrial Joint-Ventures (AIJYs) digubal semula untuk membolehkan kemasukan pelaburan luar daripada ASEAN dan untuk melicinkan pelaksanaan projek-projek tersebut.

Di samping itu, ASEAN melalui Jawatankuasa-jawatankuasa Ekonominya iaitu Jawatankuasa Ekonomi Mengenai Kewangan dan Bank, Jawatankuasa Ekonomi Mengenai Makanan, Pertanian dan Perhutanan, Jawatankuasa Ekonomi Mengenai Industri, Galian dan Tenaga, Jawatankuasa Ekonomi Mengenai Pengangkutan dan Perhubungan dan Jawatankuasa Ekonomi Mengenai Perdagangan dan Pelancongan telah menjalankan berbagai-bagai usaha dan projek-projek untuk meningkatkan kerjasama ekonomi di dalam bidang-bidang tersebut. Peranan pihak swasta dalam kerjasama ekonomi ASEAN telah juga digalakkan dengan penyertaan mereka secara aktif di dalam mesyuarat-mesyuarat ASEAN.

- (ii) Dari segi mengurangkan perlindungan perdagangan, Malaysia bersama-sama dengan negara-negara ASEAN telah sentiasa membangkitkan isu-isu perlindungan perdagangan kepada rakan-rakannya, iaitu rakan-rakan dialognya yang juga merupakan rakan dagangan utama mereka iaitu Amerika Syarikat, Australia, Ekonomi Eropah (EC), Jepun, Kanada dan New Zealand dan juga di forum-forum lain seperti di GATT dan APEC. ASEAN akan menyelaraskan pendirian bersamanya untuk menentang sebarang dasar perlindungan yang diamalkan oleh negara maju.

Di samping itu, ASEAN juga akan membuat pendirian bersama melalui Memorandum ASEAN yang akan dikemukakan kepada rakan dialognya. Bagi mengatasi masalah

perlindungan perdagangan di kalangan negara-negara ASEAN pula, negara-negara ASEAN telah menandatangani Memorandum Persefahaman Mengenai "Standstill and Rollback of Non-Tariff Barriers", dengan izin, dan mengadakan mesyuarat-mesyuarat di kalangan anggota-anggotanya untuk mengurangkan sekatan-sekatan bukan tarif tersebut.

- (iii) Dari segi kerjasama ekonomi Asia Pasifik, negara-negara ASEAN secara individu telah menganggotai forum-forum kerjasama PECC, dengan izin, Pacific Economic Cooperation Conference dan PBEC, dengan izin, Pacific Basin Economic Council. Anggota-anggota ASEAN juga secara individu telah menjadi anggota APEC, dengan izin, Asia Pacific Economic Cooperation, yang dianggotai oleh negara-negara di rantau Asia Pasifik termasuk Amerika Syarikat, Kanada, Australia, New Zealand, Jepun dan Korea Selatan. APEC merupakan badan antara Kerajaan yang dapat menentukan arah aliran dasar serantau yang akan menggalakkan pembangunan dan kemajuan ekonomi rantau Pasifik.

Mengenai kerjasama APEC, ASEAN berpendirian supaya kewujudan APEC tidak akan menggugat kerjasama ekonomi ASEAN yang sedia wujud dan ASEAN perlu menjadi fokus serta kerjasama APEC ini adalah merupakan satu proses perbincangan yang longgar, dengan izin, loose consultative process dan tidak akan menjadi satu blok perdagangan. Bidang-bidang kerjasama ekonomi APEC di mana Malaysia

melibatkan diri dengan lain-lain negara ASEAN adalah di bidang penggalakan perdagangan, pembangunan tenaga manusia, pengembangan pelaburan, pemindahan teknologi, pengawalan sumber marin, telekomunikasi serta pengkajian semula data perdagangan dan pelaburan dalam bidang sumber tenaga.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan kerana saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri baru kembali daripada lawatan ke negara-negara ASBAN, telah merangka untuk mendapat sokongan terhadap gagasan pasaran bersama Asia dan Pasifik, bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan sejauhmana sokongan yang telah diberi oleh negara-negara ASEAN dengan cadangan tersebut, dan apakah reaksi daripada negara-negara Barat, hasil daripada cadangan MaJaysia ini sebagai tindak-balas terhadap kegagalan Persidangan GATT baru-baru ini?

Dato' Seri Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya pergi ke dua negara iaitu Singapura dan Indonesia dan ke dua negara inilah yang baru kita mengemukakan cadangan kita. Singapura, sepertimana yang kita sedia maklum, telah menyatakan sokongan sepenuhnya terhadap cadangan ini manakala Indonesia telah pula menyatakan bahawa mereka akan membawa cadangan ini ke peringkat mesyuarat pegawai untuk diteliti secara detail dan secara teknikal. Negara-negara lain belum lagi dikunjungi dan selepas akhir lawatan rombongan ke negara Brunei Darussalam barulah kita dapat rumusan yang jelas sikap ASEAN sebagai satu kumpulan. Negara-negara lain belum kita hubungi secara rasmi mengenai cadangan kita.

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, lanjutan kepada soalan daripada Yang Berhormat dari Pasir Mas tadi, saya ingin tahu baru-baru ini juga rancangan untuk menubuhkan East-Asia Bloc. Apakah kaitannya dengan kerjasama ekonomi yang sedia ada di antara negara-negara ASEAN? Apakah ini bererti kerjasama ekonomi di antara negara-negara ASEAN ini tidak berjaya maka penubuhan East-Asia Bloc pula muncul akhir-akhir ini?

Dato' Seri Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya alasan kita bagi menubuhkan East Asia Economic Grouping ini, dengan izin, ialah supaya kita membantu memperkuatkan lagi kedudukan ASEAN di dalam arena perdagangan antarabangsa kerana di dalam gagasan negara-negara timur Asia ini kita mencadangkan supaya menjemput bersama-sama bukan sahaja negara-negara ASEAN tetapi jiran-jiran ASEAN yang sama-sama membangun dan juga yang telah membangun seperti negara Jepun dan Korea Selatan. Hasrat kita ialah dengan kita memperkuatkan kuasa tawar-menawar melalui gagasan ini maka ASEAN sendiri akan memperolehi kekuatan dalam kita menjalankan perundingan di peringkat antarabangsa untuk mendapatkan kemasukan di dalam pasaran-pasaran negara Barat dan negara maju misalnya bagi barangan-barangan kita. Sebenarnya tidak ada apa-apa pergeseran ataupun konfiik di antara matlamat ASEAN dengan matlamat kumpulan ini. Bolehlah saya katakan bahawa ia sebenarnya akan memperkuatkan lagi ASEAN di dalam arena antarabangsa melalui kerjasama dengan rakan-rakan yang berjiran dengannya di rantau ini.

## PROJEK MONORAIL

5. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahmtm minta Perdana Menteri menyatakan perkembangan

tentang projek monorail yang dicadangkan bagi pengurangan kesesakan dan mempertingkatkan pengangkutan awam di Kuala Lumpur yang satu masa dahulu mendapat publisiti yang meluas.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs Suleiman bin Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, projek monorail di Kuala Lumpur telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 14hbJun 1989 bagi menggantikan sistem aerobus untuk tujuan mengurangkan kesesakan dan mempertingkatkan pengangkutan awam di Kuala Lumpur. Projek monorail ini akan dibina berperingkat-peringkat dan 2 Fasa telah dikenalpasti iaitu:

Fasa 1 — menghubungkan empat terminal bas utama iaitu Puduraya, Pasarama Kota, Hentian Putra dan Terminal Tun Razak melalui Jalan Raja Laut dan Jalan Tuanku Abdul Rahman; dan

Fasa 2 — menghubungkan Puduraya dengan Pasar Pudu melalui Jalan Bukit Bintang dan Jalan Pudu.

Kerja-kerja di peringkat awal di Fasa 1 telahpun dimulakan. Kemajuan kerja-kerja adalah seperti berikut:

- (i) kajian pengangkutan telahpun siap;
- (ii) laluan dan lokasi-lokasi sistem monorail telahpun ditetapkan;
- (iii) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah melantik SITRA (M) Sdn. Bhd. untuk menjalankan kerja-kerja "pre-commencement" yang akan melibatkan kajian terperinci dan rekabentuk untuk sistem monorail; dan

- (iv) kerja-kerja "pre-commencement" telahpun bermula sejak 7-7-1990 dan telahpun siap pada 7 Januari 1991.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan tadi kita mengetahui bahawa dasar Kerajaan selaras dengan Dasar Ekonomi Baru.

Jalan-jalan monorail tadi hanya melalui kawasan-kawasan yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya adakah laluan monorail ini bagi fasa-fasa seterusnya akan melalui kawasan-kawasan Melayu di Kuala Lumpur, kerana dalam dasar ekonomi sekiranya monorail ini melalui kawasan-kawasan Melayu maka hartanah-hartanah akan naik harga dan adakah Kerajaan mengkaji semula jalan-jalan untuk monorail ini lalu seterusnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia lupa bawa cermin mata. (*Ketawa*)

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, kalau saya dapat buat interpretasi daripada soalan Ahli Yang Berhormat dari Larut itu barangkali menanyakan sama ada monorail yang melalui jalan-jalan yang telah saya sebutkan akan tentu meningkatkan nilai hartanah sedangkan tidak melalui kawasan-kawasan kependudukan Melayu.

Sukalah saya nyatakan bahawa secara langsung ia tidak melalui penempatan orang-orang Melayu dan ia hanya melalui corridors di mana berasaskan kepada kriteria traffic demand ataupun permintaan trafik yang congested di satu-satu kawasan. Secara tidak langsung ia akan melibatkan kawasan kependudukan Melayu seperti Kampung Bahru iaitu misal kata laluan di Fasa 1— laluan ini akan melalui Pasar Chow Kit dengan mengikut Jalan Tuanku Abdul Rahman yang tidak berapajauh daripada Kampung Bahru. Jadi, secara tidak

langsung akan melalui kawasan kependudukan Melayu dan insya Allah, bagi fasa-fasa yang lain kita akan mempertimbangkan soal ini tetapi bagaimanapun kriteria mengenai traffic demand ini akan diambilkira untuk sistem pengangkutan awam yang saya sebutkan.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Projek lima interchange dan tol yang melibatkan K.G. Teratai telah menjadi isu kontroversial, isu yang hangat diperbincangkan sehingga kredibiliti Datuk Bandar dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dipersoalkan sehingga hari ini. Kini pula timbul projek monorail dan sebentar tadi kita telah mendengar Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan projek ini telah diberi kepada Syarikat SITRA (M) Sdn. Bhd. Jadi, saya ingin bertanya siapakah ahli-ahli pengarah Syarikat SITRA (M) Sdn. Bhd? Adakah mereka ini sama juga dengan K.G. Teratai? Kalau boleh saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan nama-nama Pengarah Syarikat tersebut.

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyebutkan kerja-kerja "pre-commencement" telah pun dijalankan dan saya ingin tahu sejauh mana kerja-kerja "pre-commencement" ini telah dijalankan. Boleh saya tanya satu lagi, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh, dua cukup. (*Ketawa*)

**Dato' Drs Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan yang pertama, Ahli Lembaga Pengarah atau shareholders SITRA (M) Sdn. Bhd. ini tidak sama seperti K.G. Teratai—berlainan. SITRA (M) Sdn. Bhd. ini adalah terdiri daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sendiri iaitu mempunyai ekuiti sebanyak 10%, BNK Sdn. Bhd. 60%, IGB Corporation Bhd.

20%, W & I Enterprise 10% dan kalau perlu Ahli Lembaga Pengarah disebut sama ada nama, boleh saya ....

Tuan Yang di-Pertua: Itu sudah cukuplah—itu pengarah dialah itu.

**Dato' Drs Suleiman bin Mohamed:** Jadi, adalah tidak sama seperti K.G. Teratai.

Berkaitan dengan soalan kedua iaitu "pre-commencement" pada masa ini kerja-kerja "pre-commencement" itu adalah melibatkan kajian pelaksanaan rekabentuk dan spesifikasi walaupun siap di mana SITRA ini tetap menjalankan kerja-kerja "pre-commencement" yang melibatkan kajian pelaksanaan rekabentuk dan spesifikasi ini.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, projek monorail dengan DBKL ini adakah ditender dengan secara terbuka ataupun close tender sahaja.

Soalan kedua, saya mahu tanya Timbalan Menteri ini Ahli Lembaga Pengarah, siapa namanya? Adakah Datuk Bandar ada interest, dengan izin, di dalam Pejabat Silra ini?

**Dato' Drs Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan yang kedua, Datuk Bandar ada interest dalam Sitra ini.

Tuan Yang di-Perlu: Sebagai apa, sebagai Datuk Bandar?

**Dato' Drs Suleiman bin Mohamed:** Sebagai Pengerusi yang memegang saham Kerajaan sebanyak 10%, kerana atas dasar tanah, tanah Kerajaan. Sebab itu Datuk Bandar kena menjadi Pengerusi Sitra, oleh kerana Kerajaan ada interest. Jadi, Ahli Lembaga Pengarah, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang mahukan, saya sebutlah iaitu Datuk Bandar sebagai Pengerusi, Dr Rabitah Haji Hashim, Timbalan

Pengerusi, Lt. Kolonel Abdullah Salleh, Jamil Abdul Malek. Kemudian bagi mewakili IGB pula, Goh Nam Cheok, Loh Chee Keong, Tan Boon Seng, Tan Boon Ngah dan Izat Amir. Bagi mewakili W & I Enterprise adalah Datuk Ishak Yusof. Saya ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat bahawa termasuk juga Ahli dari Kuala Kedah. Soal satu keraguan timbul yang agak saya sudah merupakan satu jaringan yang tidak bertepi. Sebenarnya sama ada K.G. Teratai ataupun Sitra Sdn. Bhd. ini tidak ada sebarang penyelewengan. Ia dibuat dengan proses prosedur Kerajaan yang biasa dan saya harap perkara ini termasuk K.G. Teratai juga dapatlah kita selesaikan masalah ini, Dan saya beri jaminan kepada Ahli Yang Berhormat, jika terdapat sebarang penyelewengan, saya adalah orang pertama yang akan mendedahkan perkara ini dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Wee Choo Keong: Tadi soalan saya itu . . . .

Tuan Yang di-Pertua: Soalnya tadi ialah adakah tender ini terbuka.

Tuan Wee Choo Keong: . . . . adakah open tender?

Dato' Drs Suleiman bin Mohamed: Kerja pre-commencement ini . . . .

Tuan Yang di-Pertua: Tender itu terbuka atau tidak?

Dato' Drs Suleiman bin Mohamed: Ya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terbuka?

**Dato' Drs Suleiman bin Mohamed:** Tender belum dibuka, kerana kita melantik Sitra ini untuk pre-commencement work sahaja, sesudah pre-commencement work dibuat maka tentulah dengan Kerajaan sendiri menerusi Dewan Bandaraya yang mempunyai interest dalam soal tanah, kita tentu akan mengambil Sitra sebagai priority

pertama yang membuat kerja-kerja pre-commencement yang telah mengeluarkan modal untuk perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

### TABUNG HAJI—PENDEPOSIT

6. Wan Omar bin Wan Majid minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan pendeposit Tabung Haji hingga bulan Jun 1990 dan jumlah simpanan terkumpul. Berapa kadar simpanan purata bagi seorang pendeposit. Apakah kemajuan yang telah dicapai bagi meningkatkan kadar purata dari \$400.00—\$500.00 seorang pada bulan Mei, 1988 kepada sekurang-kurangnya \$1,000.00 seorang seperti yang dirancang; dan
- (b) apakah perkembangan sehingga sekarang tentang cadangan jangka panjang Tabung Haji bagi mengadakan sistem pinjaman membeli rumah kepada penyimpan-penyimpan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul); Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan pendeposit Tabung Haji hingga 30hb Jun, 1990 adalah seramai 1,619,242 orang dan jumlah simpanan terkumpul adalah sebanyak \$3.63 bilion. Kadar purata baki simpanan seorang pendeposit hingga 30hb Jun, 1990 adalah sebanyak \$611.05 berbanding dengan kadar purata pada 31hb Mei, 1988 sebanyak \$563.90 iaitu peningkatan 1.1%.
- (b) Cadangan Tabung Haji untuk mewujudkan sistem pembelian rumah tanpa riba kepada pendeposit-pendepositnya adalah merupakan cadangan jangka panjang Tabung Haji.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan sistem ini tertakluk kepada Akta Tabung Haji 1969 yang perlu dipinda mengikut kesesuaian masa dan tidak bercanggah dengan tujuan penubuhannya. Buat masa ini, Akta Tabung Haji 1969 tidak ada peruntukan kemudahan pinjaman kepada pendeposit-pendepositnya.

### **GURU SEMENANJUNG BERKHIDMAT DI SARAWAK**

7. Tuan Wong Sing Nang minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah jumlah guru Semenanjung Malaysia yang dihantar oleh Kementerian Pendidikan untuk berkhidmat di sekolah-sekolah rendah dan menengah di Sarawak pada tahun 1990.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 1990, Kementerian Pendidikan telah menghantar seramai 628 orang guru yang berasal dari Semenanjung Malaysia untuk berkhidmat di sekolah-sekolah di Sarawak. Dari jumlah 628 orang ini, seramai 105 orang telah ditempatkan di sekolah-sekolah rendah, manakala 523 orang lagi ditempatkan di sekolah-sekolah menengah. Penempatan guru Semenanjung ini adalah untuk menampung kekurangan guru yang dihadapi oleh negeri Sarawak pada masa kini.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi sebab-sebab mengapa kekurangan guru-guru yang terlatih dan layak terus berlaku di negeri Sarawak dan apakah langkah-langkah yang diambil seperti memperbesar maktab perguruan di negeri Sarawak sendiri untuk menyelesaikan masalah ini?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini, kita masih berkurangan tidak kurang dari 2,000 guru terlatih di sekolah-sekolah, khususnya di luar bandar. Kekurangan sebenarnya bukan absolute, kerana keperluan di sekolah-sekolah kita khususnya di luar bandar masih kekurangan kerana walaupun ada peluang-peluang untuk guru-guru pelatih kita yang berasal dari tempatan yang juga layak masuk ke maktab perguruan nasib banyak belum berminat untuk ditempatkan di kawasan luar bandar. Inilah satu masalah juga.

Yang kedua, kita berharap untuk mengatasi masalah ini dalam dua, tiga tahun lagi, tetapi sekurang-kurangnya dua tahun kerana kita telah mengambil usaha untuk menambahkan lagi maktab perguruan dalam Rancangan Malaysia Kcenam tertnasuk di negeri Sarawak dan keduanya sejak tahun 1989 kita telah meningkatkan pengambilan khusus untuk Sabah dan Sarawak dan menempatkan mereka ini di maktab-maktab perguruan yang ada di Semenanjung. Dan dari segi ini kita telah dapat mengatasi masalah yang pernah dahulunya acute, dengan izin, di kawasan-kawasan sekolah rendah dan sekolah menengah di luar bandar.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya telah difahamkan banyak guru-guru dari Semenanjung dihantar ke Sarawak tidak hendak bertugas ataupun berkhidmat di Sarawak dan mahu kembali semula ke Semenanjung dan soal saya kenapakah perkara ini berlaku dan bcrapa banyakkah guru-guru yang terlibat dan apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi masalah ini?

Dr Leo Michael Toyad: Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, memang ada guru-guru yang tidak ingin ditempatkan di sekolah-sekolah kita di Sarawak dan yang telah merayu untuk ditempatkan di sekolah-

sekolah di Semenanjung Malaysia. Dan sebab-sebabnya banyak, sebab per-sendirian mereka dan perasaan yang ingin bila lepas dari maktab terus untuk bekerja dekat kampung halaman dan juga dengan tujuan murni untuk memberi sumbangan balik kepada masyarakat di mana mereka telah dibesarkan. Tetapi kerana tujuan kita untuk memberi perkhidmatan perguruan, pendidikan di seluruh negara kita, pendidik-pendidik kita perlu ditempatkan di kawasan-kawasan yang masih kekurangan guru seperti di Sabah dan Sarawak. Dan begitu juga di kawasan yang masih kekurangan guru-guru di kawasan-kawasan seperti Pantai Timur dan Utara. Untuk menjawab soalan yang kedua tadi bahawa langkah-langkah yang kita ambil ialah di mana rayuan itu sebenarnya berpatutan dan munasabah, kita mempertimbangkan rayuan mereka itu, tetapi kalau tidak ada sebab-sebab yang munasabah mereka ini pun telah berjanji dalam masa temuduga dan masa memasuki latihan di maktab-maktab masing-masing, mereka telah bersetuju untuk berkhidmat di mana jua saya diperlukan oleh negara.

### SKANDAL BMF

8. Tuan Gooi Hock Seng minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benarkah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan Siasatan Suruhanjaya Diraja bagi membuka semula siasatan terhadap skandal BMF disebabkan bukti-bukti baru yang diberikan oleh Lorrain Osman semasa pilihanraya umum baru-baru ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kebajikan (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang sama ini telah saya jawab pada 6 Disember 1990 semasa menjawab soalan Yang Berhormat dari Tanjong. Saya tidak bercadang untuk menambah kepada jawapan itu.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri ada kata bahawa pihak Polis akan buka semula siasatan dalam perkara ini oleh kerana bukti-bukti yang baru.

Yang pertama, bolehkah Yang Berhormat Menteri kata sama ada pihak Polis sudah memulakan siasatan, siapa yang bertanggungjawab.

Kedua, oleh kerana perkara ini sudah dekat tiga bulan sejak pendedahan apa yang disebut sebagai bukti yang baru, adakah pihak yang menyiasat dan adakah pihak berkuasa atau Kerajaan puas hati bahawa surat-surat yang disebut sebagai bukti-bukti yang baru, surat-surat yang dikeluarkan dari Penjara Penthouse, daripada Britain, adakah surat-surat itu tulen oleh kerana peguam Lorrain Osman ada nafikan bahawa surat itu dikeluarkan oleh beliau.

Ketiga, adakah ....

Tuan Yang di-Pertua: Cukup dua, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, dan akhirnya adakah Kerajaan....

Tuan Yang di-Pertua: Yang akhirnya ini ketiga, sudah cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, dan berikut daripada itu, sama ada Kerajaan berhasrat untuk....

Tuan Yang di-Pertua: Sudah cukuplah Yang Berhormat, ketiga dah itu.

Tuan Lim Kit Siang: Ya—meminta dia "diextradite" ke Malaysia. (*Ketawa*)

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya jawab pada 6 Disember dulu oleh kerana bukti-bukti baru ini, yang dikatakan ada bukti-bukti baru, perkara

ini sedang dalam siasatan Polis dan oleh kerana ia dalam siasatan Polis dan siasatannya belum lagi tamat, tidak boleh saya memberitahu siapa yang bertanggungjawab buat masa ini.

Berkenaan dengan surat itu tulen atau tidak, oleh kerana perkara ini juga adalah di dalam siasatan maka saya tidak dapat memberitahu adakah perkara ini benar ataupun tidak.

### **PENINDASAN UMAT ISLAM DI SABAH**

9. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan ada membuat penyiasatan ke atas dakwaan yang menyatakan berlakunya penindasan terhadap umat Islam di Sabah oleh Kerajaan pimpinan PBS. Jika ada nyatakan bentuk-bentuk penindasan yang dilakukan. Apakah penindasan ini berlaku semasa PBS masih berada dalam BN atau sesudah PBS keluar dari BN.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan Pusat ada menerima maklumat-maklumat dan dakwaan-dakwaan berhubung dengan permasalahan ini dan sedang mengikuti dengan teliti tentang sebarang tindakan oleh pihak Kerajaan Negeri.

Pihak Kerajaan Pusat seperti sedia maklum menitikberatkan kepada perpaduan kaum dan rakyat. Segala dasar dan rancangan Kerajaan dititikberatkan kepada kepentingan dan kebajikan semua kaum.

Kalaulah benar maklumat-maklumat serta dakwaan-dakwaan yang dimaksudkan, adalah menjadi tugas dan tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk memperbetulkan kepincangan sedemikian. Adalah penting kebajikan semua kaum diberi keutamaan dalam serba bentuk kemudahan serta perancangan yang dirancangan oleh

pihak Kerajaan Negeri demi meneruskan keharmonian, kesejahteraan dan keselamatan.

Pihak Kerajaan Pusat tidak berhasrat untuk mengambil tindak balas atas sebarang penindasan yang dilakukan oleh mana-mana Kerajaan Negeri. Adalah bukan menjadi dasar Kerajaan Pusat untuk bertindak, dengan izin, "tit for tat" dalam apa-apa juga masalah. Pihak Kerajaan akan menyiasat dan meneliti dengan mendalam sebelum sesuatu keputusan dibuat. sangat diingatkan Kerajaan Pusat sangat berhati-hati dan sentiasa menitikberatkan kepada perpaduan kaum dan rakyat. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan sekarang lebih menitikberatkan kepada pembangunan di dalam semua bidang terutama di kawasan luar bandar demi kesejahteraan rakyat.

Tuan Jawah Anak Gerang: Soalan tambahan. Sayajuga ingin tahu sama ada siasatan ada juga dibuat berkenaan dengan penindasan terhadap kaum-kaum Dayak dan kaum-kaum Kadazan di Sabah dan Sarawak?

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, kalau ada maklumat dan laporan dibuat berkenaan penindasan yang melibatkan kesalahan dalam undang-undang siasatan akan dibuat.

Tuan Radin Malleh: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri setakat ini apakah pendapat ataupun penilaian Kerajaan Pusat terhadap dakwaan-dakwaan ataupun maklumat-maklumat ini?

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, daripada maklumat yang diperolehi berhubung dengan tindak-tanduk PBS sejak parti itu memerintah mulai tahun 1985 didapati beberapa perlantikan-perlantikan jawatan politik, pentadbiran,

ahli-ahli Lembaga Pengarah, badan-badan Negeri Sabah dan biasiswa memaparkan statistik-statistik yang menganak-tirikan rakyat bumiputera Islam di Sabah.

Saya suka, dengan izin, Tuan Yang di-Periua, memberikan contoh-contoh daripada statistik-misalnya:

	BUMIPUTERA		CINA		
	Kristian	Islam	Pagan	Buddha	
Pembantu Menteri	5	4	—	2	1
Setiausaha Politik	16	7	—	1	1
Setiausaha Politik (Mulai 1-8-90)	16	7	1	1	3
ADUN	22	4	—	8	2

Ini ialah contoh-contoh yang menunjukkan seolah-olah ada penganak-tirian daripada segi jawatan-jawatan yang dipegang:

	BUMIPUTERA		CINA		INDIA	
	Kristian	Islam	Pagan	Buddha	Kristian	(Hindu)
Yayasan Sabah	5	1	—	1	—	—
Sabah Forest Industries	3	1	—	—	—	1
Lembaga Pengarah: Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah	3	—	—	—	3	—
Koperasi Pembangunan Desa	5	2	—	2	2	—

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Taimin bin Lumaing.

(Soalan No. 10 Y.B. Tuan Taimin bin Lumaing tidak hadir)

#### KELAS TINGKATAN ENAM DI SMK MARUDI/LONG LAMA BARAM

11. Tuan Harrison Ngau Laing minta Menteri Pendidikan menyatakan:

(a) mengapakah SMK Marudi dan SMK Long Lama Baram tidak

dapat dipertingkatkan ke Tingkatan Enam; dan

(b) mengapakah tidak ada bangunan/blok sekolah dan pejabat, asrama-asrama dan kemudahan-kemudahan lain yang baru tidak dibina, kerana kebanyakan bangunan di sekolah-sekolah ini telah dibina dalam tahun enam puluhan dan sekarang sangat penuh sesak dan sudah buruk; dan pentadbir-pentadbir sekolah serta guru-guru merasa kesulitan/kesusahan untuk mentadbirkan sekolah-sekolah tersebut.

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

(a) Kementerian Pendidikan masih belum dapat memulakan kelas Tingkatan Enam di SMK Marudi dan SMK Long Lama kerana:

(i) Pelajar-pelajar yang layak memasuki Tingkatan 6 di kedua-dua sekolah tadi masih boleh dimasukkan ke tiga buah sekolah menengah yang berdekatan di Miri iaitu Sekolah Menengah Kerajaan Lutong, Kolej Tun Datuk Tuanku Haji Bujang di Miri dan di Sekolah Menengah Sains di Miri. Ketiga-tiga sekolah ini juga ada menyediakan kemudahan asrama bagi pelajar dari luar bandar.

(ii) SMK Marudi dan SMK Long Lama sedang menghadapi kesesakan sama ada dari segi tempat di asrama ataupun kemudahan-kemudahan bilik darjah. Pembukaan kelas Tingkatan 6 akan hanya dipertimbangkan sesudah pembinaan kelas-kelas tambahan.

(b) Kementerian Pendidikan telah meluluskan beberapa projek tambahan/gantian dan juga termasuk pengubahsuaian di kedua-dua sekolah berkenaan. Sebagai contoh, dalam Rancangan Malaysia Kelima SMK Marudi telahpun siap dibina iaitu pembinaan 8 buah bilik darjah bagi keperluan Kurikulum Baru Sekolah Menengah termasuk juga dua blok asrama dan dua blok tandas. Bagi SMK Long Lama pula pembinaan yang diluluskan telah dilulus dan telah siap dibina ialah 10 buah bilik darjah bagi keperluan Kurikulum Baru Sekolah Menengah, satu blok tandas termasuk juga retaining wall, gelanggang serba guna, dua blok asrama. Pengubahsuaian dua buah makmal Sains Paduan kepada Makmal Sains Fizikal dan Kimia kini sedang dijalankan.

Dalam Rancangan Malaysia Keenam pula, kemudahan-kemudahan fizikal yang akan dibina di kedua-dua sekolah berkenaan adalah bilik darjah, makmal sains, bilik sains rumah tangga, sains perusahaan, dewan sekolah, blok pentadbiran, dewan makan dan dewan dapur, tandas, asrama dan juga rumah guru. Jadi oleh hal yang demikian, dakwaan yang mengatakan bahawa tidak ada projek pembinaan/gantian yang baru bagi bangunan sekolah, pejabat, asrama dan kemudahan-kemudahan lain yang menyebabkan kesulitan kepada pihak pentadbir sekolah serta para guru adalah tidak benar sama sekali.

**Tuan Billy Abit Joo:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Keadaan beberapa bangunan asrama di sekolah menengah dan sekolah rendah di Sarawak adalah amat menyedihkan. Seperti yang disebutkan oleh Timbalan

Menteri tadi, kerja-kerja yang diberi untuk SMK Marudi ialah kerja tambahan. Sebenarnya bangunan asrama pada asalnya dibina untuk 600 penuntut ataupun murid asrama tetapi terpaksa menampung 1,000 murid selepas beberapa tahun. Yang paling teruk dan menyedihkan adalah keadaan tandas di mana ratio tandas....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta kemukakan soalan.

**Tuan Billy Abit Joo:** Ya, ini ada soalan nanti, ada kaitan. Yang berfungsi adalah satu tandas untuk 40 orang murid dan di SMK Marudi, walaupun ada mungkin asrama baru dan kelas baru tetapi ini tidak mencukupi sebab ratio terlalu jauh 1: 40 murid. Dan banyak sekolah menengah di Sarawak termasuk SMK Belaga dan sebagainya ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat telah memberi ucapan itu. Apa soalnya? Cuba bagi bunyi soalan?

**Tuan Billy Abit Joo:** Soalnya, sedikit lagi. Dan ramai pegawai kanan Kementerian telah melawat sekolah-sekolah ini. Soalnya ialah apakah pendirian Kementerian tentang sekolah-sekolah tersebut kerana apa yang dibuat sekarang hanya topping-up tetapi yang harus dibuat ialah penyenggaraan. Jika kita topping up, jumlah murid bertambah, masalah bertambah lagi, kerana kita top-up lagi, jadi masalah tidak selesai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, apa soalnya?

**Tuan Billy Abit Joo;** Ya, itulah soalnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Topping up, murid bertambah lagi.

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa faham yang mana soalnya, tetapi tujuan pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu saya

faham dan saya ingin menjelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa kita sedar bahawa murid-murid kita termasuk juga bilangan enrolment kita tiap-tiap tahun khususnya di sekolah luar bandar dan di sekolah lain di negeri Sarawak makin meningkat dan pada masa kini di mana kita perlu menambahkan kemudahan-kemudahan serta memperbaikinya termasuk projek gantian yang kita perlukan.

Dalam Rancangan-rancangan Malaysia kita selama ini sehingga ke Rancangan Malaysia Keenam, kita telah mengambil kira dan kalau boleh saya nyatakan di sini iaitu Yang Berhormat dahulu semasa menjadi Pegawai Pentadhiran Pendidikan di negeri Sarawak telah pun memberi maklumat kepada kita dan kita sedar. Tetapi salah satu gangguan dalam pelaksanaan ialah kita kehilangan pegawai-pegawai yang seharusnya melaksanakan program-program kita di peringkat akar umbi untuk melaksanakan program dan rancangan itu. Tetapi ini tidaklah menjadi masalah sekarang dan kitancuma ingin mendapatkan peruntukan-peruntukan untuk melaksanakannya supaya mengatasi kekurangan tempat bilik darjah dan tempat asrama masing-masing di kawasan luar bandar yang kita telah rancangkan itu, akan kita capai dalam jangka Rancangan Malaysia Keenam dan saya ingin menyatakan di sini bahawa kita tidak boleh menjamin atau guarantee bahawa kita dapat menampungkan kekurangan itu serentak dengan penambahan penduduk dan enrolment.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ini soal bukan mengenai bangunan tetapi fasal buku. Jadi, saya dapat maklumat yang mengatakan ada kekurangan buku di sekolah di Sarawak, bahkan saya menerima satu fax, dua jenis buku tidak ada. Saya ingin izin untuk membacakan apa yang dikatakan di sini: This is the BM book that is not available in Kuching.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, berkenaan buku tidak ada dalam soalan asal itu. (*Ketawa*)

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Jadi, kalaupun tak boleh dijawab, saya ucapkan terima kasih. (*Ketawa*)

### UNIT RUMAH UNTUK ANGGOTA POLIS— KEKURANGAN

12. Tuan Fong Kui Lun minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan unit rumah yang dikehendaki untuk tempat tinggal anggota polis sehingga sekarang dan apakah jenis rumah; dan
- (b) sementara menunggu unit-unit disiapkan adakah Kementerian bercadang untuk menaikkan elaun perumahan untuk anggota polis terutamanya mereka yang benugas dalam kawasan bandar. Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (a):

- (i) Bilangan unit rumah yang dikehendaki untuk tempat tinggal anggota Polis sehingga sekarang ialah 40,308 unit.
- (ii) Jenis-jenis rumah yang diperlukan ialah:

Kelas C	1,468 unit.
Kelas D dan E	2,587 unit.
Kelas F	2,423 unit.
Kelas G	33,830 unit
Jumlah:	40,308 unit.

Bagi menjawab soalan (b), Kerajaan akan menimbangkan kenaikan elaun berkenaan apabila tiba masanya.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa elaun perumahan bagi anggota Polis yang tinggal di bandar terutamanya bandar-bandar besar, memang tidak mencukupi dan tidak setimpal dengan kadar sewa rumah yang terdapat di bandar-bandar besar terutamanya seperti di Kuala Lumpur. Mengapa tidak pihak Kerajaan mengambil tindakan untuk menyewa rumah-rumah pangsa atau flat-flat di kawasan-kawasan tertentu dan menempatkan anggota-anggota polis yang tidak diberi rumah Kerajaan?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab kita memahami keadaan yang sebenarnya di mana elaun perumahan tidak boleh menampung kehendak mereka terutama di Kuala Lumpur dan juga di bandar-bandar besar, itulah sebabnya pihak Polis DiRaja Malaysia telah berusaha dengan seberapa daya untuk mendapatkan rumah dengan secara yang "kilat" untuk menampung kehendak-kehendak mereka. Selain daripada rancangan untuk menambah perumahan anggota Polis misalnya ....

Tuan Ahmad bin Nor: Apakah maksud projek kilat itu?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**  
Kilat maknanya cepat.

**Tuan Ahmad bin Nor: Apa dia?**

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**  
Nantilah saya hendak cakap ini, berilah peluang saya hendak terangkan. (*Ketawa*) Saya tidaklah cepat seperti Ahli Yang Berhormat, saya slow sahaja hendak jawab tetapi lebih terang.

Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Misalnya bagi rumah yang sedang dibina ialah 283 unit.

Di samping itu rancangan perumahan kilat: Ampang Ulu Klang, 380 unit (telah siap); Ampang Ulu Klang (dalam

pelaksanaan) 2,286 unit; Setapak (dalam pelaksanaan) 304 unit; Mukim Ceras (dalam pelaksanaan) 624 unit; Jalan Loke Yew (dalam pelaksanaan) 349 unit; Jumlahnya 3.943 unit. Ini untuk menampung kehendak di Kuala Lumpur sahaja. Tetapi bagi negeri-negeri lain kita telah pun mengenalpasti secara kilat juga untuk mempercepatkan pembelian rumah-rumah ini kerana Kementerian juga mengetahui tentang kesusahan yang dihadapi oleh anggota Pasukan Polis.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menjawab mengenai dengan kategori rumah, A, B, C, D, E, F, saya dengar tadi. Saya hendak tanya, apakah perbezaan kategori ini? Adakah bezanya, A, B, ataupun F ini untuk pangkat rendah, pangkat tinggi ataupun kerana anak ramai, anak kurang.

Oleh kerana itu, saya hendak mencadangkan kalau berdasarkan kepada pangkat, adakah Kerajaan bercadang hendak ubah dasar tadi kepada memberi rumah mengikut jumlah anak sesuai dengan dasar Perdana Menteri ke arah 70 juta, anak ramai bilik banyak, yang tak ada anak satu bilik cukup, walaupun pangkat tinggi.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**

Bagi soalan yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, rumah Kelas C ialah Penolong Penguasa Polis dan ke atas, 4 bilik tidur 2 bilik air. Itu secara minimum. Kelas D dan E ialah untuk Inspektor, 3 bilik tidur, dua bilik air. Bagi kelas F, Sub-Inspektor dan Sarjan, 3 bilik tidur, 2 bilik air. Bagi kelas G ialah Korporal dan Konstabel, 3 bilik tidur, dua bilik air.

Pihak Polis DiRaja Malaysia belum lagi hendak mengubah klasifikasi yang seperti ini, tetapi kita akan gunakan akal fikiran kita, mana yang banyak anak itu kita tambah bilik.

## TAMBAK JOHOR—PROJEK PEMBESARAN

**13. Dato' Dr Affudin bin Haji Omar** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah projek pembesaran Tambak Johor akan dijalankan. Berapa banyakkah penambahan perdagangan di Johor Bahru dan kawasan-kawasan di sekitarnya semenjak dua tahun lalu.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, Projek Pembesaran Tambak Johor telah dilaksanakan pada 24hb Mei 1989. Projek ini bertujuan untuk menyelesaikan masalah kesesakan di Tambak Johor dan melibatkan antara lainnya pembesaran jalan dan tambak daripada 2 lorong kepada 3 lorong menghala masuk ke Johor Bahru; dan penambahan lorong pemeriksaan Imigresen daripada 17 lorong kepada 22 lorong serta menambahkan lorong pemeriksaan Kastam daripada 22 lorong kepada 66 lorong.

Perkembangan perdagangan di kawasan Johor Bahru dan di kawasan sekitarnya sejak dua tahun kebelakangan ini, dapat dilihat daripada jumlah nilai import dan eksport melalui Johor Bahru dan Pasir Gudang iaitu sejak awal 1988 hingga September 1990 adalah seperti berikut:

Johor Bahru			
	1988	1989	1990 ( <i>Sehingga September</i> )
Import	\$8,937 juta	\$12,986 juta	\$11,766 juta
Eksport	\$9,708 juta	\$12,671 juta	\$10,846 juta

Pelabuhan Pasir Gudang			
	1988	1989	1990 ( <i>Stikingga Spttmbr</i> )
Import	\$1,690 juta	\$1,737 juta	\$1,838 juta
Eksport	\$3,122 juta	\$3,491 juta	\$2,874 juta

Dari angka tersebut, bolehlah dirumuskan iaitu peningkatan import dan eksport melalui Johor Bahru pada tahun 1989 adalah masing-masing

sebanyak 45.3% dan 30.5%. Import dan eksport pada tahun yang sama melalui Pelabuhan Pasir Gudang juga masing-masing meningkat sebanyak 2.8% dan 11.8%.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan Tambak Johor ini ialah untuk kepentingan bersama iaitu rakyat Singapura dan juga Malaysia, apakah pihak Kerajaan Singapura tidak terlibat dalam kos pembinaan Tambak Johor? Saya ingin bertanya adakah mereka terlibat. Kalau tidak, apakah akan dibuat sesuatu untuk membolehkan mereka juga terlibat sama untuk menampung kos pembinaan oleh kerana ini adalah untuk kepentingan bersama?

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, Singapura tidak terlibat dalam pembinaan ini kerana kita membina pada kawasan kita sahaja. Dengan sebab itu semua pembiayaan ini adalah ditanggung oleh Kerajaan kita.

**Tuan Mohamad Khalid bin Nordin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan sedar dengan siapnya pembesaran Tambak Johor itu nanti tanpa membesar dan memperbaiki mutu jalan-jalan khususnya jalan-jalan masuk ke Johor Bahru daripada tambak, ia akan melibatkan kesesakan lalu-lintas. Adakah Kerajaan bercadang untuk memperluaskan jalan-jalan tersebut termasuk jalan-jalan dalam bandar Johor Bahru bagi menampung penambahan kemasukan kenderaan akibat pembesaran tambak tersebut.

Soalan yang kedua, oleh kerana penambahan perdagangan di Johor Bahru telah meningkatkan, kos hidup di Johor Bahru itu sendiri, adakah Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan bagi mengatasi masalah kos hidup yang tinggi di Johor Bahru? Sekiranya ada, harap dapat dihuraikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kerana kos tinggi, tidak bersangkutan dengan soalan.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama, saya pun bersetuju yang pertama itu. Atas kesedaran inilah bahawa Kerajaan telah pun merancang bagi membina laluan kedua menghubungkan Singapura dan Johor Bahru kerana Kerajaan memang sedar bahawa kesesakan yang berlaku sekarang di Johor Bahru, maka Kerajaan telah pun merancang dan akan melaksanakan tidak lama lagi laluan kedua yang menghubungkan Johor Bahru dengan Singapura bagi mengelakkan dan mengatasi kesesakan di Johor Bahru.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.10 dan 14 hingga 19 adalah diberi di bawah ini)*

#### **JEMAAH MENTERI— MENAMBAH AHLI**

**10. Tuan Taimin Lumaing** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan bercadang untuk menambah bilangan ahli Kabinet Persekutuan dari Sabah, memandangkan pada tahun-tahun yang lalu, Sabah pernah diperuntukkan dua ahli Kabinet penuh.

**Tuan Othman bin Abdul:** Untuk makluman Yang Berhormat, keanggotaan Ahli-ahli Jemaah Menteri sekarang ini adalah merangkumi parti-parti komponen dalam Barisan Nasional di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Setakat ini, Kerajaan berpendapat perlantikan seorang Menteri dan 2 orang Timbalan Menteri dari Sabah adalah mencukupi. Kerajaan belum lagi bercadang setakat ini menambah bilangan Ahli-ahli Jemaah Menteri.

#### **TAHUN MELAWAT MALAYSIA 1990—PELANCONG ASING**

**14. Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan jumlah pelancong-pelancong luar negeri yang datang melawat ke Malaysia sepanjang Tahun Melawat Malaysia bermula Januari, 1990 hingga Oktober, 1990 ini. Nyatakan jumlah keuntungan yang diperolehi oleh sektor pelancongan sama ada penerbangan MAS, hotel atau pengangkutan dalam negeri (bas dan teksi) dalam tempoh Tahun Melawat Malaysia dari Januari hingga Oktober 1990.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Chan Kong Chong):** Secara keseluruhannya, Malaysia dianggarkan telah menerima seramai 6,892,739 orang pelancong asing dalam tempoh bulan Januari hingga November 1990 berbanding dengan hanya seramai 4,400,122 orang dalam tempoh yang sama tahun 1989. Ini seterusnya menggambarkan prestasi yang cukup menggalakkan pada tahun 1990 berbanding dengan tahun 1989 dengan peningkatan sebanyak 56.6%.

Dari segi jumlah keuntungan yang diperolehi dari sektor pelancongan, adalah dianggarkan sebanyak 4.1 billion ringgit pertukaran wang asing telah diperolehi oleh negara bagi tempoh tersebut. Walau bagaimanapun, Kementerian tidak mempunyai fakta-fakta yang tepat berhubung dengan jumlah pendapatan dari pelancongan yang diperolehi oleh sektor Pengangkutan Udara (MAS), Hotel ataupun Pengangkutan Darat (Bas dan Teksi), tetapi mengikut satu kajian yang telah dijalankan menunjukkan sektor Pengangkutan Udara dan Sektor Perhotelan dan Restoran merupakan sektor yang paling banyak mendapat faedah secara langsung daripada industri pelancongan negara.

### KRISIS TELUK—KESAN

15. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin minta Menteri Luar Negeri menyatakan kesan yang dirasakan oleh Malaysia jika krisis Teluk berterusan; apakah usaha yang dibuat agar ketegangan di Teluk dapat dikurangkan.

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Saya telah menghuraikan dengan panjang lebar mengenai perkara ini di Dewan yang mulia pada 6hb Disember, 1990 apabila menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam. Saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan yang telah diberikan itu.

### KAD PENGENALAN BENTUK BARU

16. Tuan Wong Wing On minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada kad-kad pengenalan yang berekabentuk baru telah dikeluarkan kepada orang ramai, jika ya, bilangannya, jika udak, mengapa.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kerajaan belum lagi mengeluarkan kad pengenalan bentuk baru kepada orang ramai kerana Jabatan Pendaftaran Negara masih lagi memerlukan sedikit masa untuk memproses sebanyak 500,000 permohonan yang ditcrima sehingga kini.

### KRISIS TELUK—PENDIRIAN MALAYSIA

17. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan Malaysia berpendapat bahawa penyelesaian krisis Teluk mestilah disejajarkan dengan

lesaikan masalah Palestin mengikut ketetapan Bangsa-bangsa Bersatu;

- (b) sedarkah Kerajaan Malaysia betapa krisis Teluk sengaja dipanaskan oleh Amerika dan sekutu-sekutunya bagi mengalihkan perhatian dunia terhadap penghijrahanumat Yahudi Soviet Union ke Israel yang dipersetujui secara bersekongkol oleh Amerika dan Soviet Union; dan
- (c) adakah usaha Kerajaan Malaysia bagi mcnyekat penghijrahan itu.

**Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar:**

- (a) Mengenai soalan (a) saya telah memberi jawapan kepada soalan yang sama pada 9-1-1991.
- (b) Saya tidak menafikan bahawa krisis Teluk telah sedikit sebanyak mengalihkan perhatian dunia terhadap masalah Palestin dan masalah-masalah yang bersangkutan dengannya seperti penghijrahan kaum Yahudi dari Soviet Union ke kawasan yang diduduki. Walau bagaimanapun ini tidak bermakna masalah ini terus dilupakan sarna sekali oleh kerana perkara ini akan terus diperbincangkan di PBB dan mendapat perhatian masyarakat antarabangsa.
- (c) Kerajaan Malaysia tidak menghalang seseorang untuk berhijrah. Undang-undang kita sendiri membenarkan rakyat Malaysia berhijrah ke mana sahaja. Sejajar dengan dasar tersebut, kita tidak menghalang rakyat Soviet Union dari berhijrah tetapi menentang penghijrahannya ke kawasan yang diduduki yang sengaja diatitkan untuk mengubah

demografi di kawasan yang diduduki. Pendirian ini adalah selaras dengan Artikel 49 Konvensyen Geneva Keempat yang melarang penghijrahan bukan penduduk tempatan ke kawasan yang diduduki/ditakluki atau penghijrahan secara paksa yang dilakukan oleh pihak yang berkuasa.

Kerajaan Malaysia bersama-sama dengan negara-negara berkecuali dan OIC yang lain akan terus mendesak negara-negara yang terlibat supaya tidak memaksa kaum Yahudi untuk dipindahkan ke kawasan yang diduduki sebaliknya dipindahkan ke tempat lain yang menjadi perhatian mereka.

#### WARGANEGARA DILUCUTKAN KERAKYATAN

**18. Tuan Michael Asang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah rakyat negara ini mengikut negeri yang telah hilang Status Kewarganegaraan mereka disebabkan tinggal terlalu lama diluar negeri;
- (b) apakah prosidur atau cara bagi mereka ini untuk layak mendapatkan kembali Status Kewarganegaraan negara ini.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**

- (a) Dalam lempoh 1981—1990 seramai 191 orang telah dilucutkan kerakyatan mereka kerana tinggal terlalu lama di luar negeri. Perangkaan mengikut negara adalah seperti berikut:

Hong Kong	—	85
PRC	—	49
India	—	17
Amerika		
Syarikat	—	13

Pakistan	—	8
United Kingdom	—	7
Singapura	—	3
Taiwan	—	2
Thailand	—	2
Australia	—	1
Indonesia	—	1
Canada	—	1
Japan	—	1
Venezuela	—	1

191

- (b) Mereka ini hendaklah terlebih dahulu memperolehi taraf pemastautin tetap dan setelah itu mereka boleh mengemukakan permohonan kerakyatan kepada Kerajaan Persekutuan.

#### AGENSI KERAJAAN YANG DISWASTAKAN

**19. Tuan Shahidan bin Kassim** minta Perdana Menteri memberi penjelasan mengenai program penswastan yang telah menimbulkan keresahan kaki-tangan syarikat terlibat dan juga Dewan Peniagaan dan Perindustrian Melayu yang tidak mendapat gambaran jelas mengenai:

- (a) bilangan dan pengenalan syarikat-syarikat perusahaan awam telah diswastakan dan kepada siapa syarikat ini diswastakan, serta nilai perolehan Kerajaan yang telah diperolehi daripada program penswastan ini; dan
- (b) apakah rancangan Kerajaan dalam penswastan lain-lain syarikat dan perkhidmatan Kerajaan.

**Tuan Othman bin Abdul:** Untuk makluman Yang Berhormat, soalan ini telah dijawab pada 9 Januari, 1991.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1991

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN 1991

#### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1991 dan Anggaran Pembangunan, 1991 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (*Hari Keempat*)

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Maksud B.17 (Jadual)—*

*Maksud P.17 (Anggaran Pembangunan 1991)—*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan, sudah habis jawapan?

Setiausaha **Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Dato' Ismail bin Said):** Sudah habis.

Tuao Pengerusi: Baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$40,550,200 untuk Maksud B.17 di bawah Kementerian Belia dan Sukan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$40,550,200 untuk Maksud B.17 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$80,996,050 yang disebutkan dalam Maksud P.17 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1991 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$80,996,050 untuk Maksud P.17 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1991.

*Maksud B.18 (Jadual)—*

*Maksud P.18 (Anggaran Pembangunan 1991)-*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.18 dan P.18 di bawah Kementerian Perusahaan Ljtama terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Ipoh.

*337ptg.*

**Tuan Lau Dak Kee (Ipoh):** Terima kasih, Tuan Pengerusi.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, saya minta supaya Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Jawatankuasa berucap 10 minit, jangan panjang sangat ya!

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Pengerusi, saya patutlah rujuk sernua Butiran dan Program dahulu. Saya merujuk Kementerian Perusahaan Utama, Butiran 010000, di bawah Program 010200 dan Buliran 100000 dengan Kod 40000 dan saya membahaskan juga Butiran (Projek) 01100. Saya minta izin daripada Tuan Pengerusi untuk membahaskan dengan sekali gus.

Tuan Pengerusi, Kementerian Perusahaan Utama adaiah satu Kementerian yang mustahak dan penting di negara kita, tetapi memandangkan keadaan pada hari ini yang begitu merosot dan teruk apabila kita membincangkan keadaan ini di atas

harga pasaran seperti getah, kelapa sawit, balak, papan dan kayu-kayan begitu rendah.

Tuan Pengerusi, saya hendak petik satu atau dua sahaja di sini memandangkan bijih timah yang saya dapati daripada Kementeriannya bahawa bijih timah telah menurun harganya begitu teruk sehingga kos operasi pun tidak dapat dipenuhi atas berbagai perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, mengikut KLPM, LME dan juga New York tin price yang disebutkan di sini, saya hendak petik sedikit yang paling tinggi bagi harga bijih timah. Pada tahun 1985—\$29.67 sen sekilogram. 1986 turun hingga \$15.39 sen. 1987—\$16.80 sen. 1988—\$18.49 sen. 1989 telah meningkat lagi, negara pulih dari kemelesetan ekonomi, telah meningkat sampai \$23.05 sekilogram. Tetapi pada tahun 90an kita menghadapi masalah yang besar. Pada bulan Januari 1990 harga bijih timah menurun sampai tahap \$17.84 sen. Tetapi sampai hari ini ialah \$15.12 sen sekilogram sahaja.

Tuan Pengerusi, memandangkan keadaan-keadaan yang dihadapi oleh industri perlombongan bijih timah maka harga pasaran yang ditetapkan ini \$15 memang tidak dapat menjalankan kegiatan perlombongan di negara ini, maka banyakkah lombong telah ditutup. Dan Kerajaan khususnya Kementerian Perusahaan Utama nampaknya tidak ada apa-apa langkah yang positif untuk mengatasi keadaan yang begitu teruk ini dan nampaknya Menteri yang berkenaan telah melancong dan melawat beberapa negara dan menghadiri banyak mesyuarat-mesyuarat tempatankah, mesyuarat rantau Asiakah atau mesyuarat antarabangsakah dan beliau tidak dapat mencari satu jalan untuk mengatasi turunnya harga bijih timah ini.

Tuan Pengerusi, kerana kita menghadapi banyak masalah, maka Kementerian Perusahaan Utama patut mencari lebih bidang lagi untuk kegunaan bijih timah ataupun meluaskan lagi bidang penggunaan terhadap bijih timah ini. Sebab, saya dapati bahawa Malaysia telah menurun pengeluarannya sampai satu tahap, dahulunya pengeluaran yang terbesar di dunia, sekarang telah menurun sehingga ke tempat keempat. Kita kalah dengan Brazil, Republik Rakyat China dan juga Indonesia. Perkara ini sangat mem-bimbangkan kita.

Tuan Pengerusi, ini satu perkara patutlah Kerajaan menambahkan usaha lagi untuk membincang lagi dengan badan-badan seperti di badan antarabangsa LTPC dan juga badan-badan yang berkaitan dengan LTTC itu dan juga Malaysia mesti mengambil satu ketetapan sama ada kita masih hendak berada di dalam badan-badan gabungan bijih timah antarabangsa ataupun kita hendak undur daripada badan-badan tersebut. Memandangkan bahawa seperti negara Brazil, enggan hendak menyertai dalam badan-badan LTTC ini kerana atas sebab-sebab yang dikatakan oleh Brazil yang berkata, mereka patut menyelesaikan keadaan penyeludupan bijih timah, selepas itu baru dia akan mempertimbangkan sama ada hendak menyertai LTTC atau tidak. Dan juga bagi Negara Republik Rakyat China, dia tidak ingin hendak masuk pada setakat ini kerana suatu sebab yang dihadapi oleh negara ini.

Tuan Pengerusi, kita memang sedar bahawa kedua-dua negara ini seperti Brazil dan Republik Rakyat China, pengeluarannya hampir setengah pengeluaran antarabangsa bagi tahun 1990, tahun 1991 mungkin bertambah lagi. Tetapi keluaran Malaysia makin merosot.

Tuan Pengerusi, pengeluaran kita begitu kurang, nampaknya pada tahun 1990 mungkin tidak sampai 20,000

metrik tan. Perkara ini sangat-sangat membimbangkan bukan hanya pendapatan negara akan merosot dan juga industri-industri downstream pun akan terjejas kerana kemelesetan harga bijih timah dan juga pekerja-pekerja perlombongan pun menghadapi masalah yang besar.

Dan nampaknya setakat ini Kementerian Perusahaan Utama tidak ada apa-apa langkah untuk memperbaiki keadaan ini, hanya menunggu-nunggu sahaja sama ada harga bijih timah itu naik atau tidak dan selepas itu tidak boleh buat apa-apa walaupun telah menghadiri beberapa mesyuarat antarabangsa akhirnya penyelesaian itu tidak dapat dicapai, hanya mungkin sia-sia sahaja.

Tuan Pengerusi, saya berpindah kepada komoditi. Berkenaan dengan komoditi, saya percaya industri kelapa sawit adalah satu industri yang paling besar di negara kita. Tetapi pengeluaran minyak kelapa sawit pun telah kurang kalau berbanding dengan perkembangan di Indonesia.

Tuan Pengerusi, mengapa Indonesia boleh menang dengan Malaysia atas pengeluaran kelapa sawit. Memang ada satu sebab. Tiga, empat tahun yang lalu, Indonesia tinggal jauh di belakang daripada Malaysia tetapi pada hari ini Indonesia telah meningkat mungkin menghadapi Malaysia. Apa sebabnya, memang ada satu alasan-alasan yang kita tahu, mungkin Kementerian Perusahaan Utamapun lahu, ini keranapada 10 tahun yang lalu, Malaysia telah membantu secara langsung atau tidak langsung untuk meningkatkan cara tanaman dan teknik menanam kelapa sawit dan pemprosesan minyak kelapa sawit di Indonesia, maka Indonesia telah mendapatkan kemajuan yang lebih cepat.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, minta gulung.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Pengerusi, ada banyak sebab. Yang pertama, Malaysia trained pekerja-pekerja Indonesia. Selepas pekerja-pekerja Indonesia itu dapat kursus dan training di Malaysia, maka mereka pulang ke Indonesia dan dapat gaji yang lebih lumayan.

Kedua, ada beberapa agen-agen estet kelapa sawit menjadi consultant kepada estet di Indonesia kerana "consultant fees"nya begitu tinggi kalau dibandingkan dengan yang mereka terima di Malaysia.

Ketiga, Tuan Pengerusi, setakat ini sekurang-kurangnya ada 300,000 pekerja-pekerja Indonesia yang bekerja di ladang kelapa sawit ataupun ladang getah di Malaysia, ini mungkin lebih. Angka-angka ini adalah angka Kerajaan dan angka yang tidak rasmi mungkin lebih dan pekerja-pekerja ini boleh mendapat kerja di sini. Apabila mereka mempunyai pengetahuan dalam industri getah dan dalam industri kelapa sawit, maka mereka pulang ke Indonesia untuk bekerja di Indonesia yang pendapatannya begitu lebih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Pengerusi, satu perkara lagi. Saya berharap Kerajaan akan mengambil berat tentang kedua-dua industri ini, iaitu getah dan kelapa sawit. Janganlah membuang masa untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat antarabangsa yang kadangkala saya nampak Menteri yang berkenaan tidak mengambil berat—dia tidak ada di sini—dan kadang-kadang saya nampak dia mengantuk di sini. Saya berharap apabila dia menjalankan tanggungjawabnya janganlah begitu ambil ringan, titik-beratkanlah tanggungjawab mereka dan ....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, sudah lebih daripada cukup. Ahli dari Arau.

3.53 *ptg.*

**Tuan Shahidan bin Kassim (Arau):** Tuan Pengerusi, secara ringkasnya saya ingin menyentuh pada keseluruhannya bcrhubung dengan Butiran 020000—Perhutanan dan juga 00600—Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia yang juga di bawah Perhutanan.

Tuan Pengerusi, saya ingin memberi takrifan apa itu hutan. Hutan ini, Tuan Pengerusi, bukan hutan yang kita katakan ada pokok-pokok. Yang dimaksudkan dengan hutan ini ialah hutan sumber tenaga. Dari air terjun kita dapat sumber tenaga, hutan kalau sekiranya masih dijaga sebagai hutan ianya dapat mengimbangkan keadaan cuaca. Daripada hutan kita dapat sumber-sumber semula jadi yang boleh mendatangkan kekayaan. Daripada hutan kita bukan sahaja mendapat segala-galanya, tetapi kita juga mendapat sumber ilham. Tetapi malangnya, pada hari ini, walaupun ada usaha-usaha Kerajaan untuk memperbaiki supaya pengurusan hutan....

**Tuan Haji Wan Mohd Jamil bin Wan Mahmood: (Bangun)**

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada yang bangun, hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Shahidan bin Kassim: Ini 10** minit, saya minta maaf. Kalau boleh jangan ganggu. Kalau ikut saya, wakil dari Ipoh tadi ada melanggar S.O.36(6), sangkaan jahat dan macam-macam saya boleh buat. Tetapi 10 minit ini, berilah peluang kepada saya.

**Tuan Pengerusi: Ya.**

Tuan Sbahidan bin Kassim: Hutan ini cukup penting ....

Tuan Haji Wan Mohd Jamil bin Wan Mahmood: Pasal takrif hutan, saya kira tidak penting.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya pun tahu hutan itu apa dia. Tetapi saya hendak beri tahu bahawa hutan ini adalah sumber segala tenaga.

Tuan Pengerusi: Sila teruskan Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sumber ilham, sumber tenaga, semua orang berminat pergi ke hutan seperti pemburu, pendaki gunung dan sebagainya. Saya hendak memaklumkan di sini bahawa dalam usaha Kerajaan yang bertindak secara positif ke arah membangunkan hutan dan mengeluarkan hasil hutan, ada pihak-pihak tertentu yang tidak memahami keadaan hutan dan menyalahgunakan hutan dan dalam masa yang sama ada pihak-pihak tertentu yang mengambil kesempatan untuk merosakkan hutan.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan perkara ini, saya juga ingin bertanya kepada Kementerian, sejauh manakah AktaPerhutanan ini membolehkan pihak Berkuasa Perhutanan boleh menghalang mana-mana pihak termasuk Kerajaan Negeri yang berkuasa di atas tanah supaya segala pembangunan mesti mendapat kelulusan dan juga nasihat daripada pihak Perhutanan. Kita selama ini, oleh keranadi peringkat awal dahulu, semasa kita berlumba-lumba untuk membangunkan negara ini, matlamat kita ialah untuk membuka hutan, makna kata kita telah membangun. Sekarang baharulah kita sedar bahawa bila kita terlampau banyak membuka hutan, akhirnya menimbulkan masalah. Masalah utama yang telah ditimbulkan oleh kerana pembukaan hutan yang berleluasa ialah masalah kemarau, kekurangan air dan sebagainya. Jadi, ia ada hubung-kait. Jadi, saya ingin bertanya sejauh manakah penguatkuasaan Akta ini dan sejauh mana pihak Berkuasa Negeri mengikutnya dan adakah pihak Kerajaan sekarang ini telahewartakan kawasan-kawasan Taman Negara di bawah Kerajaan Pusat, bagaimana pula kedudukan hutan di

peringkat negeri dari segi penguat-kuasaannya. Sebab saya lihat walaupun ada kawasan hutan yang telah dimasukkan dalam rizab hutan, tetapi pembukaannya dibuat terus. Pemberian kuari—kalau diberi di tempat-tempat yang sesuai tidak mengapa, kadang-kadang boleh merosakkan ekologi dan boleh merosakkan keadaan yang kita sebutkan hutan tadi.

Ada satu negeri, saya tidak mahu sebut namanya, kalau saya sebut sensitif sedikit, tidak ada hutan lagi dan ia menghadapi sedikit masalah air. Tuan Pengerusi, tetapi walau bagaimanapun perancangan manusia moden yang telah mempunyai kemampuan berkhir yang tinggi telah membina ampangan yang boleh menjaminkan dan menampung masalah hutan, tetapi negeri-negeri lain janganlah buat macam itu lagi. Sekarang ada agensi-agensi yang terlampau galak hendak membuka hutan sehinggakan dia terlupa bahawa hutan itu juga adalah sumber air.

Kemudian, dari segi pengurusan hutan, saya sudah tengok di bawah ini, Tuan Pengerusi, iaitu 03100—Pembangunan Jalan Hutan. Telapi di sini dia beri token \$10.00. Jadi, saya ingin bertanya apakah perancangan pihak Kementerian berhubung dengan pembangunan jalan dalam hutan. Adakah boleh pihak Kementerian mensyaratkan kepada pembalak-pembalak cara membina jalan dalam hutan itu mengikut kriteria yang membolehkan mereka tidak merosakkan hutan. Saya bercakap ini dari pengalaman, Tuan Pengerusi, sebagai seorang pemanjat gunung yang tiap-tiap minggu masuk hutan, kadang-kadang saya masuk hutan lebih banyak daripada Orang-orang Asli. (*Ketawa*) Ini hutan betul, mereka ini bergurau, Tuan Pengerusi.

Jadi, kitalihat pembinaan jalan laluan balak ini lidak mengikut kehendak bahawa pokok ini tidak boleh dilalui dan sebagainya, dia mengikut kehendak bufdlozer itu masuk, senang dia masuk

berkelok-kelok sehingga dia boleh masuk sampai ke puncak bukit. Jadi, di sini pihak Jabatan Hutan diminla mengesyurkan cara-cara untuk membina jalan kerana kita dapati bila kita keluarkan lesen untuk mengeluarkan balak, kadang-kalanya kita tidak mengambil tahu langsung apa yang mereka buat dalam hutan. Macam-macain yang mereka boleh buat dalam hutan, Tuan Pengerusi. Sebagai contoh, baru-baru ini TV3, dengan secara terbuka menunjukkan bagaimana orang mencuri balak dan kita Hhat selepas kawan itu mencuri balak, dia lari dengan keretanya, bila Renjer datang seramai 8 orang, mereka cuma 3 orang dan kamera cuma ada satu sahaja. Dia bukan kejar mereka yang mencuri itu, padahal boleh kejar kerana dalam hutan bukan ada highway, dalam hutan tol pun tidak ada, dia boleh kejar, tetapi dia tidak kejar. Mungkin TV3 tidak boleh mengambil gambar yang menunjukkan dia kejar, tetapi menunjukkan dia cuma pergi tengok pokok yang telah ditumbangkan.

Jadi, usaha-usaha pihak yang tidak bertanggungjawab ini perlu diambil tindakan.

(Timbalan Yang di-Perlua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

Jadi, di bawah tajuk tadi, Butiran 03100, di bawah tajuk Pembinaan Jalan Hutan, saya ingin bertanya sama ada satu perancangan khusus dibuat untuk membolehkan kita membina jalan supaya tidak merosakkan hutan kerana Yang Berhormat sedia maklum pembalakan tidak merosakkan hutan seperti yang ditimbulkan oleh wakil daripada Sarawak, PAS, DAP—S.46 belum dengar lagi. Mereka kata pembalakan boleh merosakkan hutan. Tidak merosak! Kalau tidak percaya, ikut saya masuk dalam hutan. Minggu ini saya hendak naik sebuah gunung, boleh ikut saya, bahawa pembalakan tidak merosakkan hutan. Yang merosakkan hutan ialah cara-cara kita mengeluarkan hasil hutan.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, boleh beri jalan?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tidak boleh, cuma sepuluh minit Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia tidak beri jalan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Sekejap lagi saya beri, selepas sepuluh minit.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, sila.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Jadi, sekarang point saya sudah rosak. (*Ketawa*) Saya punya flow pemikiran itu jangan diganggu, sekejap sebab sepuluh minit amat terhad. Jadi, saya hendak maklumkan di sini bahawa pembalakan tidak merosakkan hutan. Saya amat menggalakkan supaya pembalakan dijalankan terus oleh kerana sifat hutan ini seperti juga manusia bila sudah lama, dia terpaksa pergi, yang baru akan tumbuh. Hutan macam itu juga, bila pokok sudah terlampau tua, dia terpaksa ditebang dalam keadaan supaya dia tumbang elok, jangan bagi tumbang sendiri. Kalau dia tumbang sendiri, dia akan langgar habis pokok-pokok lain, rosak pokok-pokok lain. Kita tebang dengan cara teratur, dia pun tumbang dan kita boleh gunakan dia sebagai sumber alam yang cukup berguna. Jadi, pembalakan mesti diadakan—ini sebab saya ambil kursus mengenai perhutanan—pembalakan mesti diadakan terus untuk mengimbangkan mana-mana pokok yang baru tumbuh, yang lama terpaksa pergi. Demikian juga dalam politik. Macam setengah orang lama dalam DAP, patut pergi. Saya yang baru muncul, tetapi dalam UMNOlah. (*Ketawa*)

Jadi, Tuan Pengerusi, saya juga pohon supaya sekarang ini kita beri kelonggaran kepada Orang-orang Asli untuk mengeluarkan hasil hutan. Saya salah seorang orang yang sama-sama memperjuangkan hak Orang Asli ini. Saya bersimpati dengan mereka tetapi malangnya mereka ini telah dieksploitasikan oleh orang-orang tengah yang memaksa mereka mengeluarkan hasil hutan sebanyak-banyaknya. Jadi, mereka ini tidak ada pakar mengenai pengurusan hutan. Mereka hanya tebang sebanyak-banyaknya, contohnya macam di Ulu Langat, di Pangsoon, di Gunung Nuang. Itu adalah sumber buluh, sumber gajah bermastautin. Kita lihat ditebang habis, sampai cucu buluh pun dilebangkan. Ini akan merosakkan kedudukan hutan itu sendire tetapi mereka tidak mendapat hasil yang sebenarnya oleh kerana telah dimainkan oleh orang tengah. Jadi, saya minta supaya pihak Kementerian memberi kursus kepada Orang-orang Asli supaya menebang pokok-pokok ini mengikut cara-cara yang tertentu untuk menjamin pengurusan hutan ini dibuat dengan elok.

Demikian juga rotan. Saya lihat di satu gunung iaitu Gunung Kutu di Kuala Kubu Bharu yang saya baru panjal minggu yang lepas, saya lihat ada satu tempat yang rotannya begitu banyak yang sudah reput tidak digunakan oleh kerana mereka cuma tebang ambil rotan tetapi bila rotan itu tidak laku ditinggalkan begitu sahaja dan rotan itu reput dan kita lihat kawasan yang sebenarnya banyak rotan di Gunung Kutu sekarang ini amat sukar untuk kita mendapatkan rotan.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, sila gulung.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Akhir sekali, Tuan Pengerusi, berhubung dengan Lembaga Tembakau Negara di bawah Butiran 070000, sekarang ini kita lihat bahawa kuota tembakau ini banyak

diberi kepada Kelantan. Hampir lebih daripada 80% diberi kepada Kelantan seolah-olahnya Lembaga Tembakau Negara ini bukan dipunyai oleh Kerajaan Pusat tetapi dipunyai oleh Kerajaan Negeri. Kita menyokong, tidak jadi masalah apa. Kita menyokong sebab ini demi kepentingan petani. Cuma yang saya hendak minta, Kementerian pastikan orang yang mendapat manfaat daripada kuota tembakau di negeri Kelantan ini ialah petani, penanam-penanam tembakau bukan pengawet-pengawet. Sebab sekarang ini kita lihat yang meraihi keuntungan yang banyak sehingga begitu kaya ialah pengawet-pengawet, bila mereka kaya, mereka sokong 46 dengan PAS sampai kita menghadapi keadaan teruk di Kelantan baru-baru ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Shahidan bin Kassim: Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya minta supaya kuota tembakau ini ditambah di negeri-negeri yang sama menghadapi masalah iaitu masalah kemiskinan terutamanya di Perlis dan Kedah ditambah sedikit dan dibuat pengurusan kuota ini dengan baik untuk membolehkan rakyat atau penanam-penanam tembakau atau mereka yang berminat menanam tembakau mendapat manfaat juga. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Pasir Mas.

4.05 *ptg.*

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas);** Tuan Pengerusi, terima kasih. Oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya hanya hendak merujuk B.18 iaitu muka surat 69,020000—Perhutanan dan juga Program/aktiviti 020100—Dasar dan Pentadbiran, 020200—Pengurusan Sumber Hutan.

Dalam masa yang terbatas ini, Tuan Pengerusi, saya sama sependapat dengan Wakil dari Arau bersabit masalah perhutanan yang merupakan salah satu sumber semula jadi negara kita yang mempunyai banyak pengertian dan faedah. Oleh itu, saya ingin menekankan di sini, Tuan Pengerusi, dan ingin menarik perhatian Kementerian Perusahaan Utama dan khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri selaku Perdana Menteri, sudah sampai masanya supaya kajian semula dibuat mengenai dengan dasar pemberian kawasan hutan kepada mana-mana pihak. Jika perlu Akta Perhutanan mestilah dipinda ataupun dikaji semula. Kerana masalah pemberian kawasan balak ini pernah saya bangkitkan dalam persidangan yang lalu dan masalah balak ini, Tuan Pengerusi, kalau kita menyusul dengan lebih dalam, suka-lah saya menimbulkan di sini jika cara pemberian kawasan balak tidak dikawal dengan betul bukan sahaja masalah penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dan rasuah yang pernah kita dengar selama ini tetapi juga boleh merosakkan alam semula jadi negara kita. Maka sebab itu, setengah-setengah negara begitu berhati-hati dan tegas dalam perkara seperti ini.

Sebagai contoh, kita lihat bagaimana negara Thailand yang mempunyai kekayaan kayu balak ataupun perhutanan tetapi begitu tegas dari segi pemberian kawasan balak bukan seperti di negara kita. Kita sedar bahawa pembehan kawasan perhutanan telah dibuat oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Bukan semata-mata di bawah kekuasaan Kerajaan Pusat tetapi sudah sampai masanya satu cara baru mestilah diwujudkan sama ada melalui pindaan Akta Perhutanan ataupun dengan apa jua cara bentuknya supaya pemberian kawasan perhutanan ini dibuat dengan lebih berhati-hati dan bertanggungjawab mulai daripada sekarang.

Kita tahu bahawa mereka yang mendapat kawasan hutan ini, satu—individu, kedua—syarikat-syarikat, dan ketiga institusi-institusi Kerajaan, agensi-agensi ataupun yayasan-yayasan yang kemudian diberi pula kepada pihak-pihak lain atas nama untuk mencari kewangan kepada institusi-institusi ataupun yayasan tersebut. Tetapi masalahnya, Tuan Pengerusi, saya sukalah sebut di sini sebagai contoh, sebagai satu kod, kejatuhan Kerajaan PAS tahun 1978 di Kelantan di bawah pemerintahan Datuk Asri adalah kerana masalah pemberian kawasan balak. Samalah juga kekalahan Kerajaan Barisan Nasional dalam pilihanraya baru-baru ini adalah juga kerana masalah pemberian kawasan kayu balak.

Ramai orang tidak sedar di atas kemurkaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan adalah diakibatkan daripada sikap tidak bertanggungjawab Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada waktu itu dalam urusan pemberian kawasan balak yang bukan sahaja merosakkan alam semula jadi kawasan di utara ataupun di selatan negeri Kelantan, sempadan negeri Pahang dan saya tidak bercadang untuk menyebutkan contoh-contoh di sini kerana masalah sesiapa yang buat kerja seperti ini serahkanlah kepada Allah Taala. Saya tidak bercadang untuk menabur pasir dalam periuk nasi orang.

Tetapi, untuk makluman Tuan Pengerusi, di atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan di waktu merasmikan Persidangan Dewan Undangan Negeri Kelantan baru-baru ini telah pun mencadangkan kepada Kerajaan Negeri Kelantan supaya diwujudkan Suruhanjaya DiRaja untuk menyasat mengenai dengan pemberian kawasan kayu balak ini. Saya difahamkan Jawatankuasa ini dalam proses dan sudah pun mengemukakan nama-nama untuk mendapatkan juga calon-calon daripada Kerajaan Pusat supaya Suruhanjaya DiRaja ini dapat menjalankan penyasatan segera bagi

membersihkan mengenai dengan tuduhan-tuduhan yang telah dibangkitkan tadi.

Ini penting, Tuan Pengerusi, kerana ianya ada kaitan dengan kepentingan rakyat dan kepentingan negara. Samalah juga selama ini kita dengar masalah kecurian kayu balak di sana-sini dan saya sendiri pun kadang-kadang bila diberitahu susah hendak percaya sebab kayu balak pun boleh orang curi begitu punya besar, di kawasan Universiti Utara Malaysia boleh hilang, di sempadan Kelantan bolch hilang. Saya difahamkan 60 traktor haram ada di sana. Jadi soal kehilangan kayu balak ini sama ada dia dicuri secara langsung ataupun dia dicuri secara terhormat melalui kuasa undang-undang kononnya dan ini pernah berlaku. Jadi orang-orang yang mendapat faedah ini, yang saya melalui pengalaman sedikit sebanyak, saya dapat memang mengenali kehidupan mereka yang pernah mendapat faedah seumpama ini, kerjanya tak ada tetapi boleh memandu kereta Mercedes, BMW, hidup dengan senang lenang, manakala rakyat yang kais pagi makan pagi bekerja, pegawai Kerajaan, polis, entera begitu susah waktu-waktu di mana berlakunya inflasi ataupun sebagainya untuk menuntut kenaikan gaji tetapi ada di kalangan individu-individu di peringkat peringkat tertentu daripada atas sampai ke bawah. Sebab itu saya tidak hairan kalau pernah usul Raja Berperlembagaan pernah dibincang dalam Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini. Saya tidak merujuk kepada soal orang politik semata-mata tetapi semua peringkat yang terbabit dalam soal mencuri kekayaan hak negara dan kekayaan hak rakyat dan duduk dengan sewenang-wenang, dengan senang dan dengan kesukaannya, manakala yang menerima padah ialah rakyat dan negara itu sendiri.

Sebab itu, Tuan Pengerusi, saya menyeru tadi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri sudah sampai masanya masalah

pemberian kawasan kayu balak ini ataupun kawasan perhutanan ini dikaji semula dari segi sudut undang-undang supaya penguatkuasaan boleh dilakukan dengan setegas-tegasnya. Tidak seharusnya lagi pemberian kawasan kayu balak dibuat atas kepentingan politik, kepentingan individu, mana-mana pihak sekalipun. Inilah sumber kekayaan rakyat, Tuan Pengerusi. Sumber kekayaan diberikan oleh Allah s.w.t. dan diserahkan kepada pemimpin untuk diurus dengan amanah, dengan penuh bertanggungjawab. Kalau tidak, sudah barang tentu saya percaya penyelewengan akan terus berlaku.

Saya sebut awal-awal tadi mengenai dengan pemberian kepada inslitusi-institusi, yayasan-yayasan seperti Yayasan di peringkat Kerajaan Negeri, Institusi ataupun Pertubuhan dan sebagainya dan sesudah diberi kepada kumpulan ini, kumpulan ini memberi pula kawasan ini kepada pihak-pihak yang lain. Macam-macam pakat, macam-macam cara telah dibuat untuk mendapat kekayaan secara kilat.

Jadi, Tuan Pengerusi, sebab itu saya rncncadangkan tadi supaya Kerajaan Persekutuan memberi sokongan yang sepenuhnya kepada Kerajaan Kelantan yang sudah mengambil langkah menubuh Suruhanjaya DiRaja untuk menyiasat mengenai dengan pemberian kawasan balak yang saya maksudkan tadi. Mungkin ada setengah-setengah dari kalangan Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini bertanya-tanya apakah benar perkara ini berlaku, siapakah yang terlibat? Saya katakan, saya tak bercadang hendak menyebut tetapi suatu hari kalau saya dicabar, insya Allah, saya rasa adalah sedikit-sedikit boleh saya bantu kalau hendak menyegerakan proses pendedahan penyelewengan yang berlaku ini. Maka sebab itu saya juga dukacita kerana apabila berlaku kekalahan di Kelantan, pemimpin-pemimpin UMNO Kelantan datang membawa khabar daripada Kelantan ....

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sila gulung.**

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali: . . . .** dengan bermacam-macam cerita tentang apa yang berlaku di Kelantan dengan memburuk-burukkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan tetapi mereka melindungi perkara yang sebenarnya berlaku daripada pengetahuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekarang ini tanggualah padahnya, sejarah berulang kembali.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Padang Terap.**

4.15 *ptg.*

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap); Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada muka surat 69 di bawah Butiran 010000 dan Program 010100 dan juga 010200 iaitu di bawah Kemajuan Industri Komoditi, Perancangan dan Perhubungan Antarabangsa dan seierusnya kepada Kemajuan Industri Komoditi dan Khidmat Sokongan.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama kerana baru-baru ini lelah mengeluarakan satu sistem ataupun satu manual untuk mengubah peranan Kemenerlian daripada peranan "price takers" kepada peranan "marketeers" iaitu dengan mengadakan satu skim yang lebih agresif di dalam kita mencari pasaran dan juga mempengaruhi pasaran barang-barang utama kita. Tetapi apa yang saya ingin sebut pada hari ini ialah supaya rancangan ini diperkuatkan dengan ditambahkan ahli-ahli yang lebih profesional di dalam lembaga-lembaga ini seperti di dalam Timber Board dan juga Lembaga-lembaga seperti PORLA,

PORIM dan lain-lain untuk kita menyediakan diri kita di dalam mengubah peranan kita daripada price takers kepada marketeers ini.

Saya menyeru kepada pihak Kementehnan supaya ditambah misalannya Timber Board ahli-ahlinya, bukan sahaja mewakili negeri-negeri yang mengeluarkan balak tetapi juga kepada badan-badan ataupun pertubuhan ataupun persatuan yang mewakili industri-industri yang berkaitan dengan komoditi, misalannya di dalam industri-industri hiliran ditambahkan ahli-ahlinya yang akan memberi sumbangan kepada usaha Mcnteri ataupun Kementerian mengubah peranan ini yang mana kita harap negara kita akan menjadi pemimpin ataupun menjadi kuasa yang mempengaruhi pasaran dunia di dalam bidang komoditi. Saya harap keahlian-keahlian ini juga ditambah daripada negeri-negeri yang bukan sahaja yang banyak mengeluarkan komoditi ini tetapi negeri-negeri yang tidak banyak mengeluarkan komoditi ini seperti negeri-negeri Kedah, Perlis, Kelantan dan juga Terengganu. Saya difahamkan pada masa ini di dalam Timber Board sahaja misalannya hanya negeri-negeri yang banyak mengeluarkan timber ataupun kayu balak tetapi di negeri-negeri lain, macam di negeri Kedah dan di negcri-negeri di Pantai Barat yang tidak mempunyai wakilnya banyak industri-industri hiliran yang berasal sumbemya daripada komoditi telah pun wujud dan perlu diadakan representativenya, dengan izin, di dalam Timber Board ataupun lain-lain Board yang menggalak kemajuan industri komoditi.

Mengenai dengan 010200 anggaran permintaan pada tahun ini hanyalah \$12 juta kalau dipandang berbanding dengan anggaran tahun 1990. Apakah ini menunjukkan bahawa usaha kita hendak menjadi marketeers ini cukup kerana pada tahun sudah usaha yang tidak begitu gigih dan tidak begitu agresif dibiayai dengan lebih banyak peruntukan tetapi

tahun ini hanya diberi \$12 juta sahaja, apakah significancenya di dalatn angka-angka ini, saya minta pihak Kementerian memberi sedikit ulasan.

Tuan Pengerusi, dalam muka surat yang sama mengenai 020200, Pengurusan Sumber Hutan, saya ingin memanjangkan sedikit apa yang disebut oleh Ahli dari Arau dan Ahli dari Pasir Mas tadi mengenai dengan pengurusan ataupun pengawasan kecurian balak di negara kita ini. Kita telah mendengar bahawa banyak balak, iaitu satu sumber ataupun sumber kekayaan yang perlu disalurkan kepada rakyat. Banyak telah berlaku kecurian balak-balak ini. Dan satu daripada constraint ataupun limitation, dengan izin, Jabatan Hutan ialah bagaimana hendak mengawasi kecurian ini. Baru-baru ini TV3 telah menunjukkan bagaimana susahnya pihak Jabatan Hutan untuk mengawasi kecurian.

Saya mencadangkan di sini, apalah kiranya kalau dibekalkan kepada Jabatan Hutan, alat-alat ataupun kemudahan untuk mereka dapat mengawasi perkara yang tidak baik ini dengan lebih berkesan. Apalah kiranya kita memberi dua, tiga atau empat lima biji helikopter untuk pihak-pihak Pegawai Hutan mengawasi kecurian ini kerana kita telah ditunjuk bagaimana susahnya Land Rover yang mempunyai 4 kuasa tayar untuk berjalan hendak mengawasi hutan. Bagaimana mereka terpaksa berjalan berjam-jam dan berpuluh-puluh batu di dalam hutan hanya untuk memastikan satu kawasan yang kecil dicuri melalui tebang haram.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, muka-surat 73, di bawah projek 04900 iaitu Tempat Kehidupan Binatang-binatang Liar di dalam hutan kita. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian ini yang telah menyambut permintaan saya pada iahun sudah di mana gajah-gajah di kawasan perhutanan di dalam kawasan tadahan Pedu dan juga di kawasan tadahan air

Muda telahpun dipindah, yang telah mendatangkan banyak manfaat kepada penduduk-penduduk miskin. Dan pemindahan gajah ini sebenarnya dapat dilakukan dengan senang kerana kos untuk memindah seekor gajah hanya \$10,000 sahaja. Saya telah memohon selama dua tahun, dan alhamdulillah setakat ini gajah-gajah ini telahpun dipindahkan. Dan saya mengambil peluang ini mengucapkan ribuan terima kasih bagi pihak penduduk-penduduk miskin yang menjadi mangsa gajah-gajah ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong.**

4.25 *ptg.*

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, mukasurat 69, B.18, 010000 mengenai Kemajuan Industri Komoditi dan Khidmat Sokongan dan juga Kemajuan Industri Komoditi Perancangan dan Perhubungan Antarabangsa. Cuma satu tajuk sahaja, Tuan Pengerusi, dengan masa yang singkat. Didapati bahawa butiran ini bersama-sama dengan dua program di bawahnya telah diberi nama baru. Akan tetapi sama ada Industri Komoditi khususnya Bursa Komoditi Kuala Lumpur, BKKL telah diberi nafas baru untuk maju dan berkembang, hanyalah masa akan menentukannya.

Dari apa yang pernah diumumkan oleh BKKL sendiri, salah satu strategi Bursa bercadang mempertingkatkan aktivitiinya ialah pengembangan dalam pasaran kontrak kewangan hadapan, Financial future, dengan izin, Tuan Pengerusi. Betapa nekadnya dan kesungguhannya minat Bursa untuk mengendalikan urusanniaga kontrak kewangan hadapan, jelas diperlihatkan menerusi pelaburannya dalam kaji selidik serta mengadakan seminar, conference untuk membuktikan keupayaannya berbuat demikian, di samping membuat persiapan kerja asas hendak memperkenalkan kontrak

sedemikian semenjak tahun 1989 sebagai sebahagian daripada rancangan strategik untuk berkembang.

Tuan Pengerusi, malah difahamkan bahawa Bursa mempunyai rangka kerja pengawasan dan kawalan yang berstandard antarabangsa, inirastruktur, kemahiran serta pengalaman yang memadai untuk mengurusniaga dalam kontrak kewangan hadapan. Bursa tidak menduga sama sekali yang apabila Menteri Kewangan memberi kelulusan memperkenalkan kontrak kewangan hadapan dalam pasaran, bukan Bursa yang terpilih, tetapi sebuah gabungan yang melibatkan syarikat-syarikat UMNO Baru—Renong Bhd., New Straits Times Press Bhd., Rashid Hussein Bhd. dan Zalik Security Sdn. Bhd., sebahagian Kumpulan Hong Leong yang diamanahkan untuk mengendalikan satu Bursa berasingan yang baru, iaitu Bursa Pilihan dan Pasaran Kewangan hadapan Kuala Lumpur atau Kuala Lumpur Options and Financial Futures Exchange (KLOFF).

Menurut Menteri Kewangan, tidak salah membenarkan sektor swasta mengendalikan KLOFF. Satu, memandangkan memang tidak ada salahnya, tetapi apakah sebab-sebabnya pilihan pertama Kerajaan sendiri iaitu BKKL diketepikan sebegitu sahaja? Bolehkah Menteri Perusahaan Utama memberitahu kami sebahagian cerita Kementerianya dan jika boleh juga alasan Kementerian Kewangan memilih sektor swasta dan bukan BKKL.

Kedua, apakah pula usaha atau ikhtiar Menteri untuk memujuk rayu Menteri Kewangan supaya membenarkan BKKL mengendalikan kontrak kewangan hadapan sebelum keputusan dibuat dan setelah diumumkan hasrat membenarkan KLOFF menyenaraikan kontrak.

Ketiga, jika Menteri tidak berbuat apa-apa untuk memujuk rayu Kementerian Kewangan supaya membenarkan BKKL sahaja menguruskan kontrak

kewangan hadapan, mengapa. Adakah Menteri sendiri merasa kurang yakin terhadap keupayaan BKKL untuk mengendalikan urusan sedemikian?

Yang keempat, semenjak pertengahan bulan September, 1989 pihak Suruhanjaya Dagangan Komoditi mengumumkan bahawa Akta Dagangan Komoditi 1985 akan dikaji semula supaya Suruhanjaya berkuasa bertindak ke atas perdagangan bentuk kontrak kewangan hadapan.

Tuan Pengerusi, adakah kajian semula masih dijalankan sungguhpun bukan BKKL, akan tetapi KLOFF yang dipilih mengurusniaga kontrak kewangan hadapan atau adakah bidang penguatkuasa jatuh kepada Kementerian Kewangan?

Yang kelima, apakah kemungkinannya BKKL akan dibenarkan menceburi dalam bidang kontrak kewangan hadapan serentak dengan wujudnya KLOFF? Dan keenam, adalah juga difahamkan bahawa kajian Tabungan Wang Antarabangsa atau International Monetary Fund, dengan izin, Tuan Pengerusi, berpendapat bahawa Malaysia masih belum boleh menjalankan urusanniaga kontrak kewangan hadapan. Apakah pula hasil kaji-selidik BKKL yang sebegitu meyakinkan kesesuaian pasaran sedemikian diperkenalkan?

Tuan Pengerusi, adalah penting kerana Kuala Lumpur Options and Financial Futures Exchange (KLOFF), dengan izin, Tuan Pengerusi, akan ditubuhkan di negara ini dan setakat ini nampaknya ada gejala-gejala termasuk kekurangan peraturan-peraturan yang tertentu, kekurangan sistem cukai yang tepat untuk mengendalikan KLOFF ini dan juga pasaran modal (capital market) dan proses perundangan yang belum memadai untuk mengendalikan KLOFF ini. Adalah penting bagi negara ini bahawa pihak Kerajaan mengumumkan kajian kemungkinan yang telahpun

diadakan untuk KLOFF ini, untuk kemungkinan mengadakan KLOFF di Kuala Lumpur dan kalau laporan kajian kemungkinan diumumkan dengan secepat mungkin, kita terutamanya masyarakat kewangan boleh meneliti, mengkaji dan mendalami apakah kemungkinan untuk mengadakan KLOFF yang dapat memberi sumbangan kepada ekonomi negara ini. Sekian, Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mabiruddin): Yang Berhormat dari Bachok.

4.30 ptg.

Tuan Haji Biniyamin bin Yaakob (Bachok): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada mukasurat 71, B.18 Butiran 0400 Lembaga Tembakau Negara. Berhubung dengan Prestasi, Aktiviti, Kuota Pengeluaran Tembakau Negara.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Perusahaan Utama yang telah memberikan kuota tanaman tembakau ini lebih banyak diberikan kepada Negeri Kelantan daripada negeri-negeri lain sebagaimana disebut oleh wakil daripada Arau tadi. Dan Kelantan merupakan negeri pengeluar tembakau yang terbanyak sekali dan ini merupakan 80% lebih daripada 11 juta kilogram hasil tembakau negara. Kawasan saya Bachok merupakan kawasan utama bagi Negeri Kelantan dengan jumlah penanam tembakau sebanyak 4000 lebih.

Jadi, apa yang saya hendak timbulkan dalam perbincangan ini, Tuan Pengerusi, ialah kerana terdapat cerita-cerita menyatakan bahawa kuota pengeluaran tembakau ini akan diubah sebagaimana yang dicadang oleh wakii dari Arau tadi tidak akan diberi kepada pengawit-pengawit, sebaliknya adalah diberi kepada penanam tembakau. Jika ini berlaku maka saya percaya penanaman tembakau ataupun hasil tanaman

tembakau negara akan mengalami kemerosotan kerana pengawit-pengawit tentulah lebih mahir daripada petani dalam mengendali atau dalam melakukan pengurusan. Jadi oleh sebab itu kita janganlah kira oleh kerana pengawit ini banyak penyokong PAS dan S46, yang kita kira hasil yang akan dicapai oleh negara kita melalui industri ini. Jadi dengan sebab itu, kalau Kerajaan merasakan bahawa lebih merbahaya memberikan kuota ini kepada pengawit-pengawit ini, yang kebetulannya daripada PAS dan S46, cuba Kerajaan ubahkan tanaman tembakau ini daripada Kelantan ke negeri-negeri lain untuk tahun ini untuk kita uji negeri mana yang paling banyak, yang paling sesuai sekali untuk ditanam tembakau. Sebab saya percaya kalau itu dilakukan oleh Kerajaan, perusahaan tembakau negara akan gulung tikar kerana di antara negeri-negeri di Malaysia, Kelantan merupakan negeri yang paling sesuai untuk tembakau kerana mempunyai hujan yang cukup, mempunyai panas yang cukup dan tanah pasir di tepi pantai. Tempat kawasan saya itu, Tuan Pengerusi, paling sesuai untuk tanaman tembakau. Sehingga projek benih untuk dihantar ke negeri-negeri lain pun dibuat percubaannya di kawasan saya di Bachok. Oleh sebab itu, sekali lagilah saya mengharapkan supaya Kementerian Perusahaan Utama meneliti dengan sebaik-baiknya berkenaan dengan pemberian kuota ini.

Satu lagi saya ingin merujuk kepada B.18, Butiran 03000 berkenaan dengan galian yang mana kita dengar sekarang ini di Terengganu, di Kampung Rusila, Terengganu telah muncul satu hasil bumi yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t. kepada hamba Allah di Terengganu di Lubuk Mandi, Rusila, Terengganu iaitulah hasil emas. Setelah hasil emas ini muncul di Terengganu rakyat Kampung Rusila yang dulunya mencari makan di laut telah mengubah mata pencarian mereka kepada bahan galian emas yang ada di Lubuk Mandi. Setelah berlaku beberapa peristiwa seperti

kemalangan dan sebagainya. Dan kemalangan ini, Tuan Pengerusi, tidak semestinya berlaku apabila rakyat ataupun manusia mencari emas. Cari ikan di laut pun ada kemalangan. Cari balak di bukit pun ada kemalangan. Kemalangan ini berlaku di mana-mana. Oleh sebab itu, Kerajaan ambillah benda ini menjadikan projek Kerajaan. Apa yang saya hendak sarankan dalam perbahasan ini ialah supaya Kerajaan mengembalikan lombong emas di Lubuk Mandi, Terengganu ini kepada rakyat supaya dapatlah kita mengagihkan kekayaan negara ini sesuai dengan tuntutan Islam iaitu supaya kekayaan negara tidak tertumpu kepada orang yang berada sahaja. Supaya rakyat dapat menikmati sama apa yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t. hasil kekayaan di negara kita ini.

Kemudian, satu lagi, saya ingin merujuk kepada P.19—00900 Projek Pertanian Luar iaitu (01) Subsidi Baja Padi. Sebagaimana kita tahu baru-baru ini bila sahaja selesai pilihanraya dan kebetulan Kelantan diambil alih oleh Angkatan Perpaduan Ummah ....

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ada yang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Tuan Pengerusi, kita belum sampai ke Kementerian Pertanian. Cuba tengok mukasurat.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kementerian Perusahaan Utama.

**Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob:** Terima kasih, Larut. Dan satu lagi mengenai balak tadi mukasurat 69, B. 18, Butiran 02000 sebagaimana yang telahpun disebut oleh dua orang daripada

Ahli Dewan kita ini. Apa yang saya ingin menarik perhatian Dewan ini ialah masalah curi balak ini. Kalau gesek api bolehlah kita curi-curi. Ini balak. Hendak tebang balak bukan seminit dua minit. Kita terpaksa guna gergaji, cnjin. Balak ini kalau tumbang, bukan tumbang anak mancis api. Dengar bunyi, gajah pun lari. Jadi, soalnya macam mana Pegawai Perhutanan (Forest Rangers), tidak tahu benda ini sehingga enam bulan baru sedar! Dan bila timbul isu ini, pernah satu masa dahulu Limbul di Negeri Kedah kononnya Menteri Besar Kedah terlibat dengan curi balak. Ada Menteri Pusat kata pula tidak apalah kita maaf dia curi balak. Macam mana boleh maaf orang curi balak sedangkan rakyat pernah satu masa curi duit 40 sen dalam kotak teleton dt Kuala Lumpur kena penjara 8 bulan? Curi duit 40 sen kena penjara 8 bulan. Curi balak \$60 juta, maaf? Di dunia bolehlah Menteri maaf kepada orang curi balak, di akhirat siapa hendak maaf kepada Menteri? Itu soalnya.

Oleh sebab itu, Tuan Pengerusi, marilah kita sama-sama bertanggungjawab kepada Dewan ini dan untuk sekali lagi kita bertanggungjawab di hadapan Allah s.w.t. di akhirat kelak atas apa yang kita lakukan pada hari ini sebagai pemimpin yang akan disoal oleh Allah s.w.t. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad (Jerai): (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Hendak berucap.

**Tuan Ilaji Ghazali bin Ahmad:** Minta penjelasan atas apa yang diucapkan Yang Berhormat itu.

**Tuan Pengerusi (Tuan Maji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia sudah habis. Yang Berhormat dari Kota Melaka.

4.37 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk kepada mukasurat 70, Maksud Bekalan B.18, Butiran 040000, Kod 040100, 04200, 04300 sekali gus mengenai tajuk Penyiasatan Kajibumi.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Kertas Perintah 20 Laporan Anggaran Belanjawan, Program dan Prestasi 1991, mukasurat 73 di bawah Program Penyiasatan Kajibumi Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya tertarik dengan laporan prestasi aktiviti siasatan mineral di mana ia menunjukkan bahawa eksplorasi air tanah seluas 661 km persegi dijalankan yang melibatkan 390 buah perigi. Anggaran untuk tahun 1990 menunjukkan hanya tanah seluas 580 km persegi diterokai atau dieksplorasi dengan bilangan 286 perigi dicari.

Memandangkan bahawa seluruh negara kita, Tuan Pengerusi, selain dahpada Negeri Melaka, mungkin dilandai kemarau. Saya mencadangkan bahawa usaha harus dipergiatkan untuk menambah eksplorasi untuk mencari air tanah dan perigi.

Di sini saya ingin juga bertanya apakah bantuan yang telah dihulurkan kepada Negeri Melaka untuk mencari perigi dan air tanah seperti yang sedia dimaklumkan oleh Tuan Pengerusi, Melaka kini ketiadaan air. Menghadapi bencana kemarau akibat kelalaian dan tidak bertanggungjawabnya Kerajaan Negeri Melaka. Justeru itu air perigi dan air tanah kini menjadi sangat penting untuk rakyat Melaka hidup. Dan kita telah balik kepada zaman silam. Seperti zaman silam Melaka terpaksa bergantung kepada air perigi sekarang sungguhpun kini mendekati tahun 2000 tetapi juga terpaksa bergantung kepada air perigi.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Kota Melaka, Larut bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya rasa satu kedudukan primitive yang membayangkan kepimpinan Barisan Nasional.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat dari Kota Melaka, sebentar ya.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Saya minta penjelasan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tidak beri. 10 minit sahaja. Sila duduk, ya!

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Takut!

**Tuan Lim Guan Eng:** Sayasekarang membincangkan masalah ketiadaan air dan soal takut atau tidak takut tidak timbul....

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** .... dan saya rasa kalau Yang Berhormat itu pergi ke Melaka, dia akan tahu penderitaan rakyat.

Tuan Pengerusi, adakah pihak Kementerian membuat rancangan menghantar pakar pakar, pegawai-pegawai untuk membantu eksplorasi perigi dan air tanah ke Melaka supaya dapat membantu penerokaan atau eksplorasi air dijalankan dengan lebih licin dan sempurna. Selain daripada nasihat teknikal, bolehkah pihak Kementerian menyediakan pembetung secara percuma untuk rakyat Melaka? Saya juga berharap pihak Kementerian boleh mengadakan satu program segera untuk membantu rakyat Melaka

mendapat air, kerana kedudukan sekarang adalah sangat kritikal dan segala bantuan yang dibekalkan amat diperlukan.

Tuan Pengerusi, saya sekarang merujuk kepada mukasural 72, Maksud P. 18, Butiran 00200—Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad (MARDEC).

Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya sama ada MARDEC telah memberhentikan operasi dua kilang baja di Durian Tunggal Melaka yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka Tan Sri Abdul Rahim Tambi Chik pada 6hb Januari tahun ini bahawa sisa-sisa atau effluence beracun atau, dengan izin, toxic and contaminated effluence, dan kerana kilang ini terletak berhampiran dengan sungai di mana air diproses untuk minuman rakyat Melaka atau untuk air paip, ini membawa kemungkinan bahawa air paip tercemar atau contaminated.

Sungguhpun sekarang negeri Melaka tiada kekurangan air, saya difahamkan bahawa terdapat air sungai di mana Lembaga Air Melaka tidak berani menggunakannya untuk diproses untuk menjadi air paip kerana tidak yakin terhadap kebersihannya. Di sini saya hendak benanya sama ada MARDEC boleh memberhentikan operasinya supaya dapat menambah kapasiti air untuk digunakan oleh rakyat Melaka.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak bertanya, bagaimanakah kedudukan seperti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka bahawa sebelum operasi kedua-dua kilang MARDEC ini dijalankan, jaminan telah diberikan kepada Kerajaan Negeri Melaka bahawa semua sisa-sisa yang mengalir keluar daripada kilang itu adalah bersih dan mengikut kenyataan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka bahawa, dengan izin, Tuan Pengerusi, The Governmem was given

the impression that the water discharged from the factory will be clear, clean and even drinkable. Ini adalah kenyataan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka, tetapi nampaknya jaminan yang diberikan tidak dikotai, tidak dilaksanakan dan saya harap bahawa pihak Kemenerian boleh memberikan penjelasan bagaimanakah keadaan sebegini boleh berlaku?

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tidak ada lagi perbincangan. Saya minta Menteri yang berkenaan menjawab.

4.46 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Tuan Pengerusi, saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama ingin memberikan penjelasan dan jawapan di atas beberapa perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya bagi pihak Kementrian mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan-pandangan, dan insya Allah, sebahagian besar pandangan-pandangan yang telah diberikan itu akan kita buat kajian dan penilaian dan, insya Allah, akan diberi perhatian.

Menyentuh tentang apa yang telah diperkatakan oleh Wakil dari Ipoh tentang harga komoditi, khususnya timah pada masa ini begitu rendah pada kadar kurang dari \$16 bagi satu kilogram. Ini memang benar, kerana sebagaimana yang kita ketahui di dalam bidang perdagangan, faktor penawaran dan permintaan atau, dengan izin, supply and demand ini tidak dapat kita hindarkan. Kalau sesuatu barang itu permintaannya banyak, maka sudah

pasti harganya akan naik, tetapi kalau permintaannya kurang dan pengeluaranannya banyak, maka sudah pasti harga sesuatu barang itu akan jatuh.

Jadi, Tuan Pengerusi, Kememerian saya telah pun berusaha sedaya upaya bagi mencari jalan bagi menaikkan harga komoditi termasuk timah. Sebab itulah Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama terpaksa mengadakan mesyuarat, terpaksa mengadakan perundingan, bukan sahajadi dalam negeri tetapi juga termasuk di luar negeri. Tak mungkin sesuatu perundingan itu dapat menghasilkan hasil dalam masa sekelip mata sahaja. Jadi, dengan sebab itu, saya harap Ahli Yang Berhormat janganlah memandang rendah kepada Yang Berhormat Menteri-menteri yang telah bekerja bertungkus-lumus untuk mendapatkan faedah kepada rakyat kita.

Memang sebenarnya setengah-setengah orang mengatakan bahawa 'keluar negara' itu adalah merupakan satu keseronokan, tetapi kepada saya itu adalah sebenarnya satu tugas. Jadi, jangan memandang hina dan keji sebagaimana yang telah diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat yang berkenaan juga telah menyentuh tentang kelapa sawit. Katanya, bahawa Indonesia lebih ke depan dan lebih luas keluaran kelapa sawitnya, kerana semenjak 10 tahun yang lalu Malaysia telah menolong, membantu sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada Indonesia, dan ada agen-agen kelapa sawit, katanya, dari Malaysia telah menjadi agen kelapa sawit di Indonesia.

Untuk pengetahuan Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Dewan, saya yakin dan percaya sehingga ini Malaysia masih lagi merupakan negara yang pertama pengeluar kelapa sawit dunia dan, insya Allah, dengan adanya PORIM dan dengan adanya PORLA, di mana kita telah memberi tanggungjawab untuk

mengadakan kajian atau research, akan dapat kita mempertahankan kedudukan pengeluaran kelapa sawit bukan sahaja dari segi keluasan ladangnya, tetapi juga dari segi penggunaan kelapa sawit itu sendiri. Ini termasuk usaha-usaha untuk memperbanyakkan nilai pokok, ataupun untuk memperbanyakkan lagi kegiatan-kegiatan downstream, dengan izin, di bidang kelapa sawit ini.

Begitu juga beliau telah meminta Kerajaan mengambil berat oleh kerana lebih daripada 300,000 pekerja-pekerja Indonesia berada di Malaysia, katanya. Jadi, ini memang telah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk mengambil berat apa yang telah dikatakan ini, dan perkara ini telah pun diambil tindakan oleh Kementerian Dalam Negeri khususnya terhadap mereka yang tidak mempunyai kebenaran untuk memasuki negara kita.

Tuan Pengerusi, menyentuh tentang perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau, iaitu hutan merupakan sumber ilham, memang benar, dan hutan juga adalah merupakan harta kepada negara kita. Jadi, Kementerian saya memang menyedari bahawa walau setinggi mana pun kemajuan negara kita, tetapi hutan pasti dipertahankan. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga ini, seluruh negara dan seluruh negeri-negeri di negara kita ini mempunyai hutan simpanan kekal, termasuk Wilayah Persekutuan. Wilayah Persekutuan sekarang mempunyai hutan simpan kekal seluas 63 hektar, iaitu terletak di Bukit Nanas dan di Sungai Besi. Manakala negeri-negeri yang lain, ianya mempunyai keluasan hutan simpan kekal sekarang sebanyak 3,847,995 hektar pada masa ini, dan dalam proses untuk diwartakan oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri—mengikut apa yang saya difahamkan, ada lagi seluas 888,545 hektar.

Jadi ini bermakna adalah lebih kurang 4.736 juta hektar akan dijadikan hutan simpan kekal di negara kita ini, khususnya di Semenanjung Malaysia. Tetapi kalau kita pergi pula kepada Sabah dan Sarawak, Sabah mempunyai 3.3 juta hektar yang telah diwartakan, dan Sarawak 4.64 juta hektar pada masa ini. Jadi jumlahnya 12.73 juta hektar keseluruhannya.

Tuan Pengerusi, saya juga memang bersimpati dengan pihak Jabatan Hutan, kerana kita tahu bahawa apa sahaja yang mempunyai nilai, maka sudah pasti sering berlaku kecurian, apatah lagi hutan, iaitu balak. Menyentuh tentang apa yang ditimbulkan oleh Wakil dari Bachok, minta maaf, ini bukan mancis, jadi saya rasa perbandingan yang dibuat itu agak tidak tepat, kerana balak ini walaupun besar, tetapi kecurian ini kebanyakan berlaku di kawasan pedalaman. Ini kalau dengan bot mungkin memakan masa dua hari dua malam, ataupun dengan trek lori-lori balak sekalipun ianya memakan masa. Jadi dengan sebab ialah kecurian sehingga ini dapat saya tegaskan tidak begitu serius walaupun ianya masih lagi mempunyai kecurian. Tetapi sebagaimana yang telah saya nyatakan di sini, kecurian balak yang besar sekali ialah di Kelantan, iaitu terdapat 228 kes, manakala yang keduanya pula iaitu di Pahang, terdapat 202 kes, manakala negeri ketiga yang kecurian balak tni ialah Selangor, 150 kes.

Namun demikian, terdapat 781 kes kecurian balak di seluruh negara sehingga ini. Dalam masa tahun 1988 sehingga Jun 1990, iaitu kira-kira dua tahun setengah.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya Yang Berhormat dari Tumpat bangun. Yang Berhormat hendak beri jalan?

Dato' Haji Tengku Mabmud bin Tengku Mansor: Saya rasa masa tidak cukup unluk Kementerian lain.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak beri.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Ya. Tuan Pengerusi, Ahli dari Arau juga telah bertanya tentang sejauhmana Akta Perhutanan Negara telah diambil tindakan-tindakan. Sebagaimana yang kita ketahui, bidangkuasa pemberian balak dan kawasan-kawasan balak ini sebenarnya ialah di bawah bidangkuasa Kerajaan negeri. Namun demikian, Kementerian sering berbincang dengan Kerajaan-kerajaan Negeri apabila ada sesuatu yang berkaitan dengan Kerajaan Pusat.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahir.uddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada Yang Berhormat bangun, hendak beri jalan?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Saya ingat masa sudah tidak cukup.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Tuan Pengerusi, kerana soal Menteri Besar Kedah curi balak tadi ini saya ingat boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab sedikit itu, betulkah Menteri Besar Kedah ini curi balak ini seperti yang dibawa oleh Wakil Bachok?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Saya belum sampai lagi. Saya belum sampai, saya ada buat catatan. Jadi, oleh kerana bidangkuasa ini bidangkuasa Kerajaan negeri, maka saya tidak akan menyentuh banyak mengenai soal pemberian balak sebagaimana yang telah ditimbulkan.

Menyentuh apa yang telah ditimbulkan oleh Ahli yang berkenaan juga iaitu Ahli Yang Berhormat dari Arau tentang jalan-jalan dalam kawasan hutan, apakah dapat Jabatan Hutan menentukan laluan, memang dapat. Setiap lesen membalak hendak dikeluarkan, Jabatan Hutan terpaksa menentukan dahulu sempadan-sempadan, ditanda pokok dengan warna-warna, dan selepas itu Jabatan Hutan juga mesti menandakan laluan jalan dan sebagainya, Tentang token \$10 itu, sebenarnya kebanyakan peruntukan dalam Kementerian saya ini yang diletak \$10 itu adalah menunggu kelulusan Rancangan Malaysia Keenam kerana kita belum dapat kelulusan yang sebenarnya lagi.

Mengenai imbalan tebangan yang dikemukakan oleh Wakil Arau juga, ini memang benar. Kita ada kawasan hutan kekal dan kawasan hutan kekal ini ada program untuk dibuka pembalukannya. Sebagaimana yang pernah saya terangkan dalam Dewan yang mulia ini, bahawa kadar pemotongannya yang telah ditetapkan tidak lebih daripada 20 batang per hectare tiap-tiap kali tebangan. Mana-mana kawasan yang dibuka sepenuhnya, maka apa yang dibuat ialah tanaman semula telah dan sedang dijalankan oleh Kementerian menerusi Jabatan-jabatan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri yang berkenaan.

Jadi, pendek kata keraguan Ahli Yang Berhormat tentang tebangan ini saya rasa tidak begitu timbul. Walau bagaimanapun, mungkin ada kes-kes yang kecil seperti rotan yang telah ditimbulkan itu, insya Allah, saya akan cuba minta penjelasan yang lebih daripada Jabatan yang berkenaan.

Tentang kuota tembakau pula, Ahli Yang Berhormat telah menyatakan Kelantan telah diberi lebih daripada 80%, sebenarnya tidak benar. Kelantan dari semenjak tahun 1986, kita hanya memberi 65.4%, 1987—64.6%, 1988—63.6%, 1990—61.8%, 1991—61.8%

juga. Jadi ini bermakna sekadar hingga 65% sahaja. Ini disebabkan Kelantan memang benar, iaitu kebanyakan petani-petaninya mengharapkan kehidupan mereka dengan penanaman tembakau.

Menyentuh tentang apa yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, beliau telah meminta supaya Kerajaan mengkaji semula dasar pembahagian kawasan membalak, dan meminta supaya dapat dipinda Akta Perhutanan Ncgara. Oleh kerana ini juga adalah di bawah bidang tugas Kerajaan Negeri, saya rasa ada Ahli-ahli Yang Berhormat (Ahli Parlimen) di sini yang juga menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri seperti wakil Kepong dan Marang. Maka bolehlah bercakap dalam Dewan Undangan Negeri, dengan memberi pandangan-pandangan. Mereka merupakan Ahli kedua-dua Dewan—Parlimen dan juga Dewan Undangan Negeri.

Soal Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas mengalakan Kerajaan yang lalu jatuh kerana pembahagian balak, dan saya berdoalah semoga Kerajaan 46 dan PAS di Kelantan jatuh, kerana balak juga, insya Allah. (*Ketawa*) (*Tepuk*) Jadi, dengan sebab itu Kerajaan buat....

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas):** (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya rasa macam mana seorang Timbalan Menteri boleh berdoa kepada Allah Taala ini, ini satu perkara yang tidak bagus, ini berdoa ke arah kejahatan. Saya berdoa Kerajaan Barisan Nasional akan terus makmur, menjalankan Kerajaan dengan lebih adil dan bersih, bukannya itu bagus.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Kerana sebagaimana yang saya ketahui, saya pernah mengatakan dalam Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan khususnya parti PAS dan parti S.46 inilah yang banyak mengeluarkan fatwa-fatwa, yang akhirnya mengkucar-kacirkan masyarakat Islam. Dan doa perlu dilakukan sebagaimana yang saya katakan, kerana Tuhan tidak izin sebuah Kerajaan yang telah mengkucar-kacirkan masyarakat terus memerintah Kelantan. (*Tepuk*)

Menyentuh tentang kecurian balak, juga telah disentuh oleh Wakil dari Pasir Mas. Sebagaimana yang telah saya terangkan iaitu tidak begitu serius, tetapi walau bagaimanapun kita telah meminta bantuan potis sekarang, kerana dengan tenaga Jabatan Hutan tidak mencukupi, dan mungkin pada masa hadapan ini penguatkuasaan tentang kecurian balak ini akan dapat kita perkuatkan lagi.

Tentang Suruhanjaya DiRaja menyasat kecurian balak di Kelantan, sehingga ini Kementerian belum menerima apa-apa iagi, tetapi sebagaimana yang saya nyatakan, ini adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri.

Menyentuh tentang apa yang telah dikatakan oleh Wakil Padang Terap, iaitu memohon supaya ahli-ahli dalam Majlis-majlis MTIB, PORLA, PORIM dan sebagainya dapat ditambah dengan mereka-mereka yang lebih merupakan ahli-ahli profesional. Pada hemat saya, masa ini memang Ahli-ahli Lembaga dan juga mereka yang diberi tanggungjawab, memanglah sebahagian besarnya mempunyai kepakaran dalam bidang yang berkenaan. Sehingga ini di PORIM sahaja kita mempunyai 80 orang yang berkelulusan Ph.D dan Master Degree. Pada saya ini agak mencukupi di bidang profesional yang dikatakan itu. Namun demikian, Kementerian akan mengambil ingatan supaya apa yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat tersebut akan dikaji semula,

dan kalau ianya mempunyai pendapat yang munasabah, insya Allah Kementerian juga akan cuba mengambil perjalanan sebagaimana yang telah dikatakan.

Mengenai pengurusan hutan juga ditimbul oleh Wakil dah Padang Terap yang memohon supaya diberi lima, enam biji helikopter kepada Jabatan Hutan. Memanglah sebagaimana yang saya katakan, oleh kerana kawasan kecurian ini di pendalaman yang banyak berlaku, terutama di sempadan Kelantan/Terengganu, Kelantan/Pahang; di sini yang banyak berlaku. Walau bagaimanapun Kementerian telah memohon kepada Kerajaan-kerajaan Negeri supaya sekurang-kurangnya boleh menyewa helikopter pada masa-masa yang perlu, dan untuk membeli terpulanglah kepada Kerajaan Negeri masing-masing. Menyentuh tentang kehidupan liar ini, sebagaimana yang saya katakan, oleh kerana hutan kita ini masih luas dan dikenalpasti tadi luas, insya Allah ianya akan menjadi tempat hidupan liar, dan begitu juga Kementerian telah cuba bersama-sama bagi memastikan pemindahan-pemindahan hidupan liar di kawasan tadahan sepertimana yang telah dikatakan.

Menyentuh tentang apa yang telah dikemukakan oleh Wakil dari Kepong tadi, saya sendiri sebenarnya minta maaf, kerana tidak sempat hendak menerima maklumat, tetapi walau bagaimanapun pandangan Ahli Yang Berhormat akan kami memberi perhatian supaya maklumat secara bertulis akan diberi kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong):  
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Ahli dari Kepong bangun.

Dato' Haji Tengku Mabmud bin Tengku Mansor: Saya ingat cukuplah.

Tuan Pengerusi (Tuao Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak beri jalan.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Dan kita akan beri penjelasan secara bertulis lebih baik. Kerana dalam masa yang singkat ini, saya sendiri rasa tidak begitu tepat kalau saya memberi jawapan-jawapan tanpa terperinci.

Menyentuh tentang Ahli Yang Berhormat....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri, Ahli dari Kepong bangun lagi.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Saya akan cuba memberi jawapan secara bertulis.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak beri jalan.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Menyentuh Wakil dari Bachok iaitu tentang LTN. Tentang LTN ini saya rasa Wakil dari Bachok jangan mencabar Kerajaan, jangan mencabar Kementerian, minta memindahkan kuota ke negeri yang lain daripada Kelantan. Kalau ini dibuat oleh Kerajaan Negeri Kelantan, Kementerian bila-bila masa boleh memindahkannya. Kerana sebenarnya Terengganu adalah lebih sesuai dari Kelantan, dan Terengganu telah mengadakan Projek Penanam Pengawit. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Projek Penanam Pengawit Alor Ketitir Terengganu, peserta seramai 60 keluarga nelayan telah dapat mengeluarkan hasil yang terbaik di Malaysia pada masa ini. (*Tepuk*)

Mereka telah dapat mengeluarkan hasil dari setiap 3 ekar yang ditanam satu musim, mereka telah dapat pulangan hasil paling rendah di antara \$20,000, dan paling tinggi \$50,000. Jadi, dengan sebab itu adalah malang kalau wakil yang berkenaan minta supaya LTN memindahkan tanaman itu dari Kelantan, kerana inilah idaman orang-orang Terengganu, Perlis dan Kedah, supaya kuota dari Kelantan itu dapat dipindahkan ke negeri-negeri lain. (*Tepuk*) Jadi, kalau hendak bercakap rasa saya, perkara-perkara yang sensitif ini perlulah dibuat kajian, jangan melepas seperti apa yang telah Yang Berhormat cakapkan itu. Tentang kuota ini, tidak ada rancangan kuota hendak diberi kepada penanam-penanam, sebagaimana yang telah disuarakan itu. Sehingga ini kuota diberi kepada pengawit-pengawit. Namun demikian, ada projek-projek khusus seperti di Air Tawar, Tembila, Alor Ketitir, dan Kandeh diberi kepada penanam dan pengawit. Dia juga yang menanam dan dia juga yang mengawit. Tetapi tidak diberi kepada penanam sahaja.

Mengenai galian emas di Lubok Mandi, Terengganu Ahli Yang Berhormat berkenaan, minta diberikan kepada rakyat, ini juga sebagaimana yang diketahui di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri. Namun demikian untuk penjelasan, memang Kerajaan Negeri pernah memberi kepada rakyat untuk melombong bijih emas ini di Lubok Mandi, Terengganu. Tetapi sebagaimana yang diketahui, selepas satu tahap di mana dalaman korekannya sampai ke tahap 15 meter, 10 meter dan banyak kemalangan yang telah berlaku. Maka Kerajaan telah menutup dan telahpun mengkaji supaya satu perusahaan secara commercial, secara perdagangan dapat dibuka oleh agensi Kerajaan seperti SEDC ataupun Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Terengganu.

Menyentuh tentang subsidi padi, sebenarnya bukan subsidi padi, tetapi subsidi baja tembakau. Jadi memang ada, kita beri kepada penanam-penanam menerusi pengawit-pengawit. Mengenai apa yang yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat, tentang mengenai curi balak yang dikatakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah terlibat, oleh Ahli dari Bachok, maka saya rasa ini tidak sepatutnya....

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada Ahli Yang Berhormat yang bangun. Hendak beri jalan?

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Saya ingat tidak payahlah, masa saya, saya tidak ganggu orang, dan saya rasa masa ini tidak perlulah, Jadi, sepatutnya seseorang Ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap dalam Dewan ini hendaklah mendapatkan maklumat-maklumat yang sahih, jangan membuat tuduhan melulu, kerana ini menyentuh peribadi seseorang. (*Tepuk*) Apatah lagi jika dituduh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, mereka ini ialah seorang yang dihormati. Jadi, saya rasa ini tidak boleh dibenarkan.

Menyentuh apa yang dikemukakan oleh Ahli dari Kota Melaka ....

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Ahli dari Kepong bangun lagi, hendak beri jalan?

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Saya rasa tidak payahlah.

Ahli dari Kota Melaka juga telah menyentuh tentang Jabatan Kajibumi. Sebenarnya kita ada program tiap-tiap negeri sebagaimana yang telah dipohon oleh Kerajaan Negeri. Oleh kerana sebagaimana yang kita ketahui, bekalan air adalah juga di bawah kuasa negeri, jadi tiap-tiap negeri boleh dikatakan ada perancangannya, tetapi oleh kerana kes Melaka ini adalah merupakan satu kes mala-petaka, ataupun kes bencana alam, maka sudah pasti ianya memakan masa dan ianya memerlukan usaha-usaha secara segera.

Saya difahamkan bahawa Kerajaan Melaka telahpun berbincang dan membuat keputusan untuk mendapatkan bekalan air dari Negeri Sembilan. Insya Allah kita sama-sama tunggu.

Mengenai MARDEC tadi, saya sendiri juga meminta supaya diberi jawapan bertulis kerana sebagaimana yang saya katakan maklumat dua buah kilang di Melaka ini tidak sempat diterima....

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Kota Melaka, sebelum diberi kebenaran jangan bercakap.

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansur:** Saya mintalah kepada Yang Berhormat, Menteri saya, yang ada di sini untuk menjawab satu soalan mengenai MARDEC di Melaka. Sila Yang Berhormat.

**Menteri Perusahaan Utama (Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik):** Tuan Pengerusi, sebenarnya MARDEC telah sedar bahawa ia mempunyai sebuah syarikat perkongsian iaitu dengan Syarikat Jepun, di mana "effluence" ataupun sisa yang keluar dari MARDEC diproseskan untuk menjadi air yang baik yang boleh dikeluarkan ke sungai dan syarikat ini yang sebenarnya menolong untuk mengurangkan sisa-sisa yang

dikeluarkan dari MARDEC yang mana sisa itu tidak masuk ke sungai tanpa pemerosesan untuk mengurangkan sisa-sisa ke sungai. Syarikat MAIPEC ini pada masa sekarang sudah memberhentikan kerja ini untuk selama tiga atau empat hari bagi menentukan tidak ada apa-apa sisa dari syarikat ini dikeluarkan ke Sungai Melaka. Mereka sedang dalam perbincangan untuk mengadakan sistem close circuit disposal of waste, dengan izin, sehingga mereka tahu apa yang dikeluarkan ke sungai hanyalah air sahaja tanpa ada apa-apa sisa,

Jadi, pada masa ini kita sedang menjalankan kajian dan saya ingat jika kita boleh mengadakan sistem close circuit treatment of waste, dengan izin, ini bermakna ia akhirnya akan menentukan bahawa sisa yang keluar adalah sisa yang baik, iaitu hanya air sahaja—orang Perak cakap "ayer" (*Ketawa*). Ayer, ayerlah, jangan kacau, you tahu apa saya cakap apa—ayer, bukan A-I-R. Maaf, Tuan Pengerusi.

Apa yang dihadapi oleh Sungai Melaka bukan tertakluk kepada apa yang dikeluarkan oleh kilang MAIPEC, tetapi sebenarnya pollution sungai itu adalah tertakluk kepada banyak faktor. Tetapi sebagai Kementerian, yang menjaga MARDEC dan sebagai sumbangannya, kita mengesyorkan supaya apa-apa sisa yang dikeluarkan itu hanyalah air yang tidak ada apa-apa toksid yang lain.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, tetapi terlebih dahulu saya hendak mengalu-alukan keputusan untuk memberhentikan operasi Syarikat MARDEC sehingga dapat dipastikan bahawa sisa-sisa yang dikeluarkan dari kilang itu adalah bersih dan tidak mencemarkan air Sungai Melaka. Saya hendak bertanya sama ada satu kilang lagi, your sister company, MARDEC, masih menjalankan operasinya kerana apabila saya melawat kilang itu saya mendapati bahawa hanya MAIPEC yang

dikatakan diberhentikan operasinya, tetapi saya mendapat maklum bahawa pada waktu malam ia menjalankan tugasnya, tetapi sekarang Yang Berhormat Menteri sudah katakan bahawa ia sudah memberhentikan operasinya, itu saya ucapkan terima kasih. Tetapi untuk kilang yang kedua iaitu MARDEC yang saya lihat sendiri di mana operasi masih dijalankan dan sisa-sisa yang dikeluarkan itu berwarna hijau dan berbuih-buih, iaitu bubbling, a lot of bubbles, Tuan Pengerusi, ia berbuih-buih dan berwarna hijau dan juga melahirkan satu bau yang tidak menyenangkan. Adakah kilang itu telah memberhentikan operasinya untuk menjamin bahawa air Sungai Melaka masih bersih?

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Saya tahu Syarikat MARDEC ini tidak ada mengeluarkan sisa ke Sungai Melaka. Tadi saya telah jelaskan bahawa MAIPEC adalah kilang untuk memproses sisa-sisa yang datang dari MARDEC, untuk mencuci apa-apa sisa yang dikeluarkan dari MARDEC. Pada masa sekarang, apa yang kita tahu MARDEC tidak perlu diberhentikan. Saya ingat syarikat MAIPEC, iaitu syarikat yang berkongsi dengan syarikat Jepun memproses sisa-sisa ini. Saya ingat dalam satu atau dua hari lagi, bila kita ada kemampuan untuk menjaimnkan bahawa apa-apa sisa yang dikeluarkan dari kilang MAIPEC ini adalah tidak mencemarkan Sungai Melaka, kita akan membuka balik syarikat MAIPEC. Tetapi sebenarnya MARDEC tidak payah diberhentikan kerana sisa-sisa dari MARDEC pergi ke kilang MAIPEC untuk diproseskan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, untuk memberikan latar belakang sedikit, ada terdapat dua longkang untuk membawa sisa-sisa ke Sungai Melaka. Satu longkang, saya diberi tahu oleh pegawai LAM yang bertempat berhampiran dengan kilang

itu, adalah dari kilang MAIPEC dan satu lagi longkang adalah dari kilang dari MARDEC. Longkang dari kilang MAIPEC itu airnya seperti biasa, tetapi longkang dari kilang MARDEC airnya berwarna hijau dan berbuih-buih dan juga mempunyai satu bau yang tidak menyenangkan. Jadi saya hendak bertanya sama ada sisa-sisa toksid yang contaminated itu, seperti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Mdaka sendiri yang dengan secara marah menyatakan bahawa jaminan yang diberikan oleh kedua-dua kilang ini tidak dilaksanakan, kerana mereka kata bahawa air yang keluar dari kilang-kilang itu boleh diminum tetapi tidak dikotai.

Jadi, saya hendak bertanya mengenai MARDEC—MAIPEC sekarang sudah ditutup, bagus—tetapi mengenai MARDEC apakah kedudukannya, sekarang, atau kalau mereka masih berjalan operasi adakah sisa-sisa itu bersih dan tidak membahayakan?

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Tuan Pengerusi, saya tidak tahu berapa lubang. Ahli Yang Berhormat itu pandai cari lubang sahaja—berapa longkang dan berapa lubang saya tidak tahu. Tetapi apa yang saya tahu ....

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, bukan lubang, longkang-longkang.

**Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik:** Longkangkah atau lubang, saya tidak tahu.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Jangan mencelah.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tidak cakup lubang, saya cakup longkang sahaja.

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Tetapi walau apapun, dia cari jugalah, Pembangkang ini di mana-mana ada lubang dia masuk. (*Ketawa*) Tetapi....

Tuan Lim Guan Eng: Ini lucu sangat, tidak ada standard kalau macam ini.

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Berilah chance.

Tuan Pengerusi (Tuaa Ong Tee Keat): Jangan mencelah. Yang Berhormat, teruskan.

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Yang penama, MAIPEC belum tutup. Kita berhentikan operasi sementara—tidak tutup. Barangkali dia jalankan sehingga dapat satu sistem operasi close circuit. Saya tidak tahu ini MARDEC yang mana tetapi saya tahu MARDEC ini yang dekat dengan MAIPEC. Ini saluran sisa dia pergi ke MAIPEC, tidak patut pergi ke Sungai Melaka. Tetapi barangkali sebelum penjelasan dari MARDEC dan MAIPEC, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri ingat pencemaran sungai datang dari MAIPEC tetapi selepas penjelasan, dia tidak ingat macam inilah.

Saya mahu tahu mengenai toksid ini, saya dapat surat yang ditulis oleh orang dari DAP, dia cakap "toksid"—sebenarnya bukan toksid—bau sahaja. Bau ini saya tahu bila pergi ke kilang-kilang getah asli sangat kuat. Kita menggunakan proses untuk mencuci air sisa itu dan mengambil keluar bau sehingga jadi air yang lebih baik dari air dari mana-mana sungai pun dan ini adalah tujuan kita. Ini boleh dikatakan pilot project, projek yang pertama menggunakan proses untuk mencuci atau menghilangkan sisa-sisa yang datang dari situ tetapi jangan salah gunakan perkataan "toksid" ini. Sebenarnya bukan toksid, makan tidak boleh mati tetapi bau tidak berapa baik sahaja.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Pasir Mas bangun.

**Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Ini** tidak ada berkaitan dengan dia langsung. Tidak ada tengok satu kilang getah, apa dia mahu cakap? (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Menteri hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Tidak payah, sudah habis.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Pengerusi, ini tidak betul. Ini tuduhan, saya hendak tanya. Ini tuduhan. Point of order!

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Mana ada point of order? (*Ketawa*) Mana ada point of order?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Sebab itu tuduhan, Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya tadi, dia kata toksid ....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Hendak minta penjasankah ataupun point of order?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Hendak minta penjelasan sebab Yang Berhormat Menteri....

**Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik:** Penjelasan ataupun point of order? Jangan you tipu saya di dalam Dewan ini. (*Ketawa*) Mahu penjelasan—penjelasan. Mahu point of order—point of order. Mula-mula dia gunakan point of order, akhirnya dia mahu penjelasan pula.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Sebab tadi dia tuduh saya, jadi sekarang ini saya hendak tanya buat penjelasan.

**Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik:** Tanya, tidak payah tanya lagi. Point of order boleh, tanya tidak boleh.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Steadylah sedikit. Ini tuduhan, Tuan Pengerusi....

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Mana tuduhan?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tadi sebut itu?

**Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik:** You tidak buka mulut, saya tidak tuduh. (*Ketawa*) You buka mulut, saya tuduhlah. You kenalah buka mulut dahulu.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Sudahlah Yang Berhormat! Sekarang kita kembali kepada tajuk yang dibahaskan tadi.

**Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik:** Di atas penjelasan lain yang apa tertinggal, saya boleh balik siasat tetapi bukan tujuan syarikat-syarikat MARDEC untuk mencemarkan air-air sungai yang ada. Ini saya beri balik kepada Timbalan Menteri yang sedang menjawab dengan baik. Dengar baik-baik. (*Ketawa*)

Dato' Haji Tengku Mabmud bin Tengku Mansor: Tuan Pengerusi, sebenarnya itu yang terakhir. Jadi, saya sekali lagi bagi pihak Kementerian mengucapkan terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$93,847,300 untuk Maksud B.18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$93,847,300 untuk Maksud B.18 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$51,966,890 yang disebutkan dalam Maksud P.18 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1991 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$51,966,890 untuk Maksud P.18 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1991.

*Maksud B.19 (Jadual)—*

*Maksud P.19 (Anggaran Pembangunan 1991)—*

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kepala Bekalan B. 19 dan Kepala Pembangunan P.19 di bawah Kementerian Pertanian terbuka untuk dibahas sekarang. Nilam Puri,

5.25 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Di bawah Kementerian Pertanian, saya ingin menyentuh mukasurat 82, Butiran 00900 iaitu bahagian Subsidi Baja, Padi, Maksud P.19 yang peruntukannya \$80 juta dan Pemulihan Tanah Terbiar yang peruntukannya \$3,429,200.

Tuan Pengerusi, di dalam peperangan sama ada peperangan undang-undang yang mengikut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ataupun undang-undang Islam, ada perkara-perkara yang tidak boleh kita menganiaya iaitu kanak-kanak, wanita, orang tua, tumbuh-tumbuhan hendaklah dikecualikan dari sasaran perang.

Kelantan diperintah oleh Angkatan. Kelantan tidak berperang dengan Kerajaan Pusat tetapi Kerajaan Pusat sekarang cuba berperang dengan rakyat negeri Kelantan.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, itu cagak dasar.

**Tuan Haji Mobamad bin Sabu:** Tidak, hendak masuk pointlah ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Mukaddimahkah ini?

**Tuan Haji Mobamad bin Sabu:** Maka makhluk yang pertama disiksa di negeri Kelantan ialah padi. Padi tidak diberi makanan, Makanan padi ialah baja. Kalau perang pun pokok tidak boleh disiksa, inikan pula dalam masa damai. Pokok, batu-batan, haiwan semuanya sujud kepada Allah. Padi juga berdoa kepada Allah lerutama bila mereka tidak dapat makan. Kita boleh lanam padi. Letakkan baja tetapi yang menumbuhkannya ialah Allah. Misalnya negeri Melaka sekarang, negerinya boleh ditanam padi tetapi air tidak ada. Beri baja pun lidak guna juga, subsidi baja pun tidak guna sebab tidak boleh tanam padi. Kedah misalnya, air cukup, baja cukup tetapi laporan akhbar dua hari yang lalu, padi di Kedah ditimpa penyakit AIDS di mana buahnya gugur sebelum padinya masak. Jadi....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti sekejap.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Hal baja, subsidi baja.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat bercakap tentang Butiran yang ke berapa? Mukasurat berapa?

**Tuan Haji Mobamad bin Sabu:** Subsidi Baja, P.19 yang peruntukannya SSOjuta.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Butiran berapa?

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Butiran 00900, 01—Subsidi Baja Padi, 02—Pemulihan Sawah Terbiar.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Mukasurat?

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Mukasurat 82. Di Kelantan pula air cukup tetapi baja tidak ada. Padi akan menangis dan seluruh padi di negeri Kelantan akan berdoa, "siapa punya angkara yang tidak beri aku makan". Maka kami akan membisikkan ke telinga padi, "Yang tidak memberi makan kepada kamu ialah Barisan Nasional". (*Tepuk*) (*Tepuk*)

Jadi, padi negeri Kelantan sedang membesar, sekarang masa mereka untuk diberi makan baja. Kita bimbang, dalam keadaan begini, padi yang di seksa ini, kita bimbang ia akan membawa malapetaka ke lain-lain negeri sebab padi adalah makhluk Allah. Janganlah mereka disiksa. Siksa saya tidak apa.

Tuan Pengerusi, dalam ayat al-Quran yang bermaksud: "Maka adakah kamu perhatikan apa yang kamu tanam? Kamukah yang menumbuhkannya atukah Kami yang menumbuhkannya? Kalau Kami kehendaki, pastilah Kami jadikan dia kering dan hancur, maka jadilah kamu hairan dan tercengang—Surah Al Waaqi'ah—ayat 63 hingga 65.

Perkara yang kedua, yang ingin saya sentuh ialah mukasurat 79, Butiran 020000—Pertanian yang peruntukannya S51,499,990. Merujuk mukasurat 20 dalam Kertas Perintah 20 iaitu Program Pertanian yang tujuannya mewujudkan masyarakat tani yang progresif supaya dapat menyertai secara aktif dalam arus pembangunan negara khususnya dalam bidang pertanian, meningkatkan perindustrian bagi setiap unit pengeluaran melalui pemindahan teknologi dan perkhidmatan yang

berkaitan dan meningkatkan sumbangan sektor pertanian dalam ekonomi negara dengan menggalak dan memajukan tanaman yang berekonomi.

Tujuan ialah untuk membiak dan memproses, membekal biji benih yang baik kepada petani-petani tetapi kita lihat sekarang ini padi misalnya tidak dapat lagi mengeluarkan jenis tanaman yang baik. Walaupun ada MARDI yang menyelidiki dan mengeluarkan berbagai benih tetapi masih lagi kita tidak dapat menandingi kualiti beras daripada Thailand dan juga Pakislan. Kemudian padi-padi yang ditanam di negara kita bijinya pendek, tidak seperti padi di Thailand dan Pakistan, bijinya panjang. Oleh itu penyelidikan hendaklah diteruskan. Bila Yang Berhormat dari Tumpat bertanya bilakah jenis padi baru akan diperkenalkan, maka pihak Menteri menjawab setahun atau dua tahun lagi. Ini bermakna kita amat ketinggalan dalam menerokai benih-benih padi yang moden dan bermutu tinggi yang digemari oleh orang-orang sekarang untuk memakannya.

Begitu juga dalam penghasilan mempelam, setakat ini kita tengok telah baik terutama sekali mempelam yang dikeluarkan di negeri Perlis dan Kedah boleh dikatakan hampir setanding dengan mempelam yang dikeluarkan oleh Thailand. Tetapi dari segi mempelbagaikan penggunaan makanan, mempelam dan sebagainya, kita masih jauh ketinggalan kalau dibandingkan dengan mempelbagaikan jenis penggunaan buah-buahan, makanan, kulit dan bijinya seperti yang dilakukan oleh penanam-penanam dan pekedai-pekedai di Thailand. Kita hendaklah juga meningkatkan dalam bidang itu supaya setiap hasil buah dapat diedarkan, dapat dimakan, bijinya, kulitnya, semua dipelbagai gunakan.

Begitu juga saya ingin sebut lagi sekali orang-orang kampung sekarang amat sukar menternak kambing biri-biri tetapi bulunya dibuang begilu sahaja, tak

adakah teknologi untuk mencantikkan bulu sejenis Avon boleh disapu di badan kambing, dengan itu bulunya dapat diguna, dagingnya dapat diguna, maka dapatlah ia menambahkan penghasilan kepada orang-orang kampung walaupun jenis baju yang kita kluarkan tidak bermutu tinggi tetapi kita boleh hantar ke negeri-negeri seperti Afrika dan Afghanistan yang dilanda musim sejuk untuk Kerajaan kita membuat ehsan hasil daripada bulu kambing yang ada dalam negeri kita. Rambut palsu tak boleh dibuat dari bulu kambing. *(Ketawa)*

Tuan Pengerusi, berbalik tadi hal pertanian ini, sekarang ini kita mengimport beras begitu banyak dan kalau Kelantan berlaku kekurangan baja, maka penghasilan padi negeri Kelantan akan berkurangan. Ini akan membuatkan negeri kita menanggung beban untuk mengimport beras lebih banyak. Harga beras mungkin akan naik di lain-lain negeri, tetapi bagi rakyat Kelantan yang sempadannya begitu mudah untuk berulang-alik ke Thailand, mereka mungkin boleh beli beras yang murah daripada Thailand tetapi bagaimana orang Kuala Lumpur, orang Melaka, orang Johor dan orang yang jauh dengan sempadan, bagaimana mereka hendak memakan beras yang murah sedangkan beras menjadi mahal kerana tindakan Kerajaan Pusat sendiri memberhentikan baja kepada petani di negeri Kelantan, Oleh itu Kementerian Pertanian, saya harap, mengambil betul-betul pandangan secara-serius supaya tanaman padi ini diutamakan dan penghasilan makanan diutamakan. Kita lihat sahaja negeri Russia yang telah berjaya menghantar roket ke bintang-bintang, teknologi nuklearnya yang begitu agung dianggap nombor dua selepas Amerika, tetapi sekarang hancurnya Kerajaan Russia, di antaranya, mereka tidak dapat menyediakan makanan. Mereka terpaksa melutut kepada negeri yang kecil seperti Belanda dan Netherlands dan juga negeri-negeri yang kecil di sekitarnya untuk meminta bantuan makanan

sedangkan Russia terkenal dengan teknologinya. Kita berbangga dengan Proton Saga, HICOM dan sebagainya. Kita bimbang satu hari kita terpaksa melutut ke negeri lain untuk meminta sedikit makanan untuk kita survive di Malaysia ini.

Sekian, semoga mendapat perhatian.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Pasir Mas.**

*535ptg.*

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas):** Tuan Pengerusi, saya juga akan mengambil masa yang terbatas sebagaimana yang telah diizinkan oleh Tuan Pengerusi. Mukasurat 82, Butiran 00900 01 Subsidi Baja dan Padi, sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri, sebanyak \$80 juta untuk tahun 1991.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat ataupun daripada Kementerian Pertanian bilakah baja-baja ini akan diedarkan. Mengenai dengan peruntukan baja tahun lalu masih lagi ada petani-petani belum terima. Setiausaha Parlimen ada di sini, mungkin dia akan jawab nanti ya ataupun tidak, sebab dia suka jawab ringkas. Soalnya saya hendak tahu bilakah baja-baja ini akan diedarkan, Saya tidak mahu berfalsafah dan tidak mahu hendak merayu. Dari segi politik kalau tak lagi, kalau tanyakitadari segi Pembangkang tak ada kisah, sebab bila tak bagi walaupun kita tak dapat, bagi kita parti Pembangkang, kita boleh bercakap ini kezaliman. Ada pemimpin-pemimpin UMNO Kelantan mungkin sekarang ini mendesak Kerajaan Pusat jangan bagi baja ataupun bagi mengikut saluran-saluran tertentu. Tetapi pada masa yang sama hendak memujuk rakyat Kelantan menyokong Barisan ataupun menyokong UMNO. Tak mungkin kita boleh memujuk rakyat pada masa yang sama kita melakukan kezaliman. Sekarang ini baja sudahpun dicap dengan dacing.

Saya pernah mengatakan dalam Dewan Rakyat ini, Tuan Pengerusi, saya tak kisah soal cap apa pun, cap dacing pun saya sokong, tinggal lagi yang pentingnya sampai kepada petani-petani. Cara mana hendak sampai, itu terpulanglah kepada kebijaksanaan Kerajaan, melalui KEMASkah, Penghulukah, Kerajaan Negerikah, hendak beri terus daripada Pusatkah, wakil Kerajaan Negeri dalam Pusatkah kalau sudah larat pikul baja, bawa balik, tak menjadi hal, yang pentingnya sampai kepada petani-petani. Sekarang ini bila dibuat cap dacing, saya hendak beri ingatan, bila dibuat cap dacing, orang pun tengok gambar dacing, tetapi baja itu pula banyak berlonggok di bawah rumah-rumah orang tertentu, lagi leruk UMNO kena nanti, lagi teruk Barisan kena nanti, sebab bila gambar dacing itu ada di situ, Ha! itu gambar dacing, tengok baja duduk bawah rumah, padi tak dapat makan baja, tetapi baja yang bercap dacing ada di bawah rumah. Maka ianya tidak akan memberi faedah. Ha! buat baik.

Saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Pusat budaya rakyat Kelantan, bila buat baik, saya percaya rakyat Kelantan akan menghargainya, tetapi bila ditolak sampai ke dinding, insya Allah, saya percaya ulat dalam batu boleh hidup. (*Tepuk*) Tetapi saya hendak merayu ini di atas keadilan yang telah dijamin oleh Kerajaan selama ini supaya baja ini diberi dengan sebaik-baiknya untuk faedah seluruh rakyat di negara kita ini. Saya cukup yakin dengan Menteri Pertanian yang ada sekarang yang kreatif ini yang saya percaya walaupun kita dengar kadang-kadang ucapannya, kenyataannya berbagai-bagai, tetapi saya tahu dia ini lain daripada yang lain, dia akan beri baja untuk rakyat Kelantan, insya Allah. (*Ketawa*) Kaiu tak upaya hendak di-buat oleh setengah-setengah Jabatan Kerajaan, saya boleh tolong beri, tak ada

masalah. Saya akan bawa baja cap dacing ini, "dacing bagi ini, tuan-tuan kena ingat, Dacing bagi ini, tetapi tuan-tuan hendak undi saya pula, undilah, itu terpulang kepada hak tuan-tuanlah", Ini hak rakyat. Itu duit rakyat. Saya percaya rakyat boleh menilai. Saya percaya rakyat Kelantan berfikiran terbuka dan rakyat Kelantan tidak makan hasutan mana-mana pihak. Saya cukup yakin sejarah politik negeri Kelantan sudah terbukti beberapa kali dan pengalaman inilah harus diambil teladan oleh Kerajaan Pusat.

Begitu juga, Tuan Pengerusi, mukasurat 80, Butiran 120000 Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) dan juga 140000 Pemberian Subsidi Harga Padi (LPN). Pertamanya-\$20,900,000 lepas itu yang paling banyak Pemberian Subsidi Harga Padi-\$368 juta. Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Pusat, kepada Kerajaan yang memerintah pada hari ini kerana telah memperuntukkan dan terus memberi subsidi harga padi kepada petani-petani dan ini satu pemberian yang saya turut alu-alukan kerana petani-petani kita memerlukan subsidi seumpama dan sedemikian rupa bagi menampung kehidupan mereka, bagi menambah pendapatan mereka.

Tetapi soalnya sekarang, saya ingin mencadangkan supaya pihak Kementerian mengkaji kembali perjalanan Lembaga Padi dan Beras Negara yang sering dibangkit dan diungkit dalam Dewan yang mulia ini, terutamanya dari segi pemberian subsidi harga padi. Apakah sistem kupon melalui buku yang dilakukan sekarang ini dijalankan dan tidak berlakunya penyelewengan di mana golongan-golongan tertentu mengambil kesempatan.

Saya diberitahu, Tuan Pengerusi, ada di kalangan golongan-golongan cerdik di kampung menggunakan petani-petani. Merekalah yang mengurus

mengendalikan kumpulan-kumpulan tertentu dan ada berpakat dengan—saya bukan tuduh—saya diberi faham-sekali-kali saya tidak buat tuduhan, tetapi ada pihak-pihak yang mengambil kesempatan, mengumpul kupon-kupon subsidi padi ini membuat tuntutan dengan LPN dan ini akan memudahkan lagi kalau ada di kalangan pegawai LPN yang turut terlibat. Bererti \$368 juta, berpuluh juta, ratus juta ringgit yang disediakan oleh Kerajaan tiap-tiap tahun yang niatnya baik, tetapi tidak sampai turun ke bawah, kepada petani-petani yang seharusnya terima subsidi ini. Ini saya berharap Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Kementerian Pertanian beri perhatian serius supaya \$368 juta ini sampai kepada rakyat subsidi. Dan saya rasa ini dan saya yakin ini adalah suatu faedah dan pemberian daripada Kerajaan yang cukup. Saya mengalu-alukan dan mengucapkan lahniah. Tetapi yang pentingnya supaya dipastikan ianya sampai kepada tangan petani-petani.

Yang akhir, Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap mengenai dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Buliran 00500, mukasurat 82, P.19, \$8,834,000 untuk LKIM. Hai, sedikit betul, Tuan Pengerusi, ini untuk Lembaga Kemajuan Ikan.

Saya ingin mencadangkan supaya peruntukan ini ditambah lagi. Kita bercakap selama ini kita mengimport ikan \$300 juta daripada luar walaupun sekarang ini sudah dikurangkan. Ikan yang elok kita eksport. Kita import ikan untuk keperluan rakyat, kita import. Yang elok, kita eksportlah, macatn minyaklah. yang elok kita eksport. Jadi, kita terima yang orang kata nilai mutunya tidaklah sebagaimana sepatutnya. Tetapi soalnya sekarang ini projek ataupun program penangkapan ikan laut dalam, lesen telah diberi. Saya tidak tahu berapa jumlah, saya hendak tanya daripada Kementerian berapa jumlah lesen dikeluarkan selama ini. Saya difahamkan 300 lebih, tidak sampai, 800.

Tetapi berapakah yang dalam operasi sekarang ini? Saya difahamkan banyak tidak beroperasi, lesen keluar banyak, tetapi bot laut dalam tidak banyak, kenapa, ialah kerana nelayan-nelayan kita tidak mampu mengadakan bot laut dalam, tidak cukup modal. Maklum sahajalah nelayan!

Tuan Pengerusi, selama ini kita tahu bahawa satu bot untuk laut dalam mungkin sampai \$500,000, \$300,000 lebih—pukat sahaja \$70,000—ada antara \$350,000 kepada \$500,000. Jadi, cukupkah dengan peruntukan yang diberi selama ini kepada LKIM. Ada peruntukan yang disalurkan melalui Bank Pertanian dengan di mana nelayan perlu mengadakan cagaran, mengadakan guarantee dan sebagainya. Tidak mungkin operasi ini boleh berjaya, ini satu bidang program aktiviti yang cukup mempunyai prestasi, kalau kita lihat negara Jepun, negara Korea dan lain-lain negara. Kenapa kita tidak langsung dengan cara agresif. Saya menyokong sebarang tindakan program agresif daripada Kementerian Pertanian, khususnya melalui LKIM atau Jabatan Pertanian.

Saya mencadangkan supaya peruntukan ini ditambah, diadakan khusus tabung khas. Kalau lain boleh, projek perumahan boleh, kalau koperasi pengambilan deposit dahulu gagal, nah \$500 juta, projek perumahan gagal, nah \$500 juta, itu boleh ini boleh, untuk orang-orang koperat dalam perniagaan-perniagaan lain. Kenapa tidak boleh membantu kaum nelayan? Kenapa tidak boleh wujud \$300 juta tabung untuk projek seumpama ini yang boleh membantu pendapatan negara, yang boleh membantu meningkatkan taraf sosio ekonomi kaum nelayan, kenapa tidak boleh?

Saya ingin mencadangkan supaya bot-bot itu dibuat oleh Kerajaan atau melalui agensi Kerajaan. Maka buat secara sewa-beli seperti MARA buat sewa-beli teksi bagi memudahkan kaum

nelayan meneroka ke laut dalam. Ramai nelayan kita, beribu nelayan kita yang mampu ke laut dalam. Tidak usah cabar soal semangat mereka sebab selama ini pun mereka bergelombang dengan taufan dan ombak, menyabung nyawa untuk mencari nafkah bagi keperluan hidup mereka seharian. Tetapi mereka hendak buat kertas kerja, mereka hendak meminjam hendak cari garantor itu, ini, tidak mampu, tetapi hendak ke laut boleh. Tetapi hal-hal syarikat ini mereka tidak mengerti, Tuan Pengerusi. Jadi, sebab itu perlu diwujudkan tabung seumpama ini melalui—dahulu saya difahamkan ada Limbungan MARA. Saya tidak tahu sejauh mana, apa sudah jadi, tetapi ia buat bot-bot ini. Proton Saga sudah buat, macam-macam sudah buat. Takkanlah bot nelayan tidak boleh buat.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat ada masa satu minit lagi.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya pun memang tahu satu minit. Tetapi kalau Tuan Pengerusi tidak beritahu memang jalan lagi. Jadi, saya harap sangat-sangatlah kepada pihak Kementerian Pertanian supaya beri perhatian khusus kepada program laut dalam ini dan saya harap peruntukan ini ditambah lagi supaya memajukan kaum nelayan dengan lain aktiviti sampingan, dari segi projek perumahannya, perkampungan nelayan dan lain kemudahan seperti masyarakat lain kerana mereka ini adalah sebahagian daripada masyarakat yang banyak memberi sumbangan kepada negara. Terima kasih, Tuan Pengerusi, cukup seminit.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kuala Kedah.

5.48 ptg.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim (Kuala Kedah): Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 83, Butiran 00800 iaitu Lembaga Kemajuan Pertanian Muda ataupun MADA. Saya ingin tahu daripada pihak Kementerian Pertanian peruntukan yang boleh dikatakan dikurangkan pada tahun ini sebanyak \$7,191,000. Jenis-jenis pembangunan apakah yang diperuntukkan yang sebanyak ini, sebab, Tuan Pengerusi, pada tahun yang lalu peruntukan di bawah tajuk ini ialah lebih daripada \$11 juta. Banyak petani-petani dalam kawasan Perairan Muda bersungut oleh sebab penyelenggaraan infrastruktur-infrastruktur dalam kawasan ini selalunya tidak dapat dijalankan dengan baik atau dengan sempurna kononnya oleh sebab peruntukan tidak mencukupi, pembaikan-pembaikan seperti ban-ban jalan-jalan ladang, jambatan-jambatan. Begitu jugalah titi-titi kecil dalam kawasan MADA untuk kegunaan petani-petani untuk membawa hasil ladangan mereka sentiasa dihadapi masalah oleh pihak petani-petani oleh sebab kemudahan-kemudahan ini tidak diperbaiki dalam masa-masa yang dikehendaki,

Saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Pertanian sama ada peruntukan ini mencukupi pada tiap-tiap tahun, khasnya pada tahun 1991 ini.

Tuan Pengerusi, di samping itu juga, petani-petani dalam kawasan Perairan MUDA menghadapi hakisan-hakisan pantai atau ban-ban tepi pantai yang boleh menjejaskan tanaman padi mereka ataupun hasil pertanian mereka pada tiap-tiap tahun. Jadi, apabila saya lihat di dalam peruntukan pada tahun ini menunjukkan bahawa \$7 juta ini sama ada termasuk juga peruntukan untuk memperbaiki kerosakan-kerosakan di tepi pantai yang berhampiran dengan kawasan-kawasan tanaman padi di dalam kawasan MUDA. Saya lihat, Tuan Pengerusi, di bawah Kementerian Pertanian ini juga ada peruntukan untuk hakisan pantai iaitu di muka surat 88, Butiran 14800 sebanyak \$6 juta.

Ini pun, Tuan Pengerusi, jika sekiranya peruntukan ini adalah juga untuk kawasan perairan Muda maka sudah tentulah peruntukan ini adalah peruntukan yang amat kecil sekali. Oleh sebab satu-satu kawasan trisialannya di kawasan Parlimen saya Kuala Kedah, untuk hendak memperbaiki hakisan pantai di kawasan Kuala Kedah sahaja melibatkan peruntukan atau perbelanjaan lebih daripada \$2 atau \$3 juta. Jadi peruntukan hanya \$6 juta ini saya rasa hanya habis di kawasan perairan Muda sahaja dan tidak dapat digunakan di kawasan pantai yang lain yang memerlukan pembaikan atau untuk memperbaiki pantai-pantai yang telah pun roboh.

Tuan Pengerusi, perkara yang ketiga yang saya hendak bangkitkan ialah berkenaan dengan muka surat 84 Butiran 02600 iaitu di bawah tajuk Kemudahan-kemudahan Perlindungan Tanaman.

Pada tahun 1989, apabila Belanjawan untuk tahun 1990 dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini, saya telah pun membangkitkan berkenaan dengan masalah penanam-penanam padi ataupun masalah pak tani-pak tani yang menjadi mangsa kepada bencana-bencana alam yang semula jadi seperti banjir, kemarau, serangan-serangan musuh tanaman dan lain-lain yang ada kaitannya dengan iklim negara kita ini. Dan pada masa itu, Tuan Pengerusi, saya telah pun mencadangkan supaya satu skim diwujudkan oleh pihak Kerajaan iaitu sama ada skim perlindungan insurans ataupun satu skim ganti-rugi ataupun satu tabung khas bagi melindungi hasil-hasil pertanian pak-pak tani di dalam negara kita ini oleh sebab diancam dengan bencana-bencana alam seperti yang saya sebutkan tadi.

Tetapi, Tuan Pengerusi, sehingga hari ini, saya rasa, dari pengalaman dan pengetahuan yang ada pada saya, belum ada lagi satu cadangan khusus untuk memberi perlindungan kepada pak tani-pak tani yang dicadangkan oleh pihak

Kerajaan. Jadi, Tuan Pengerusi, saya sekali lagi ingin mencadangkan supaya pak tani-pak tani ini yang sumber-sumber yang lain tidak ada untuk menampung pendapatan mereka di masa mereka menghadapi bencana dan pada masa ini Kerajaan hanya memberi atau membekalkan benih-benih sahaja dan kemudahan-kemudahan lain untuk mereka dapat menanam semula di kawasan-kawasan yang terlibat, maka saya inginlah mencadangkan supaya diwujudkan satu skim bantuan kepada pak tani-pak tani yang telah terlibat dengan bencana alam ini.

Dalam masa saya membahaskan perkara ini dalam tahun 1989 di dalam Belanjawan 1990, saya mencadangkan supaya skim ini dimula dalam kawasan perairan Muda, di MADA, oleh sebab banyak kemudahan-kemudahan di kawasan Muda ini boleh membantu pihak Kerajaan untuk menjalankan skim ini dengan sempurna dan dengan baik. Saya telah pun kemukakan cadangan-cadangan ini kepada pihak Pertubuhan-Pertubuhan Peladang bukan sahaja di kawasan perairan Muda, tetapi di seluruh negara sama ada di dalam negeri Kedah ataupun di peringkat kebangsaan. Apabila cadangan ini saya telah kemukakan, saya dapati pihak **Pertubuhan-Pertubuhan Peladang** di dalam kawasan perairan Muda belum lagi menyambut cadangan ini. Walau bagaimanapun saya rasa gembira, pihak Pertubuhan Peladang Negeri Kedah telah pun mencadangkan satu skim perlindungan padi di negeri Kedah Darul Aman untuk kawasan luar daripada MADA.

Jadi saya inginlah menyampaikan maklumat ini kepada pihak Kementerian iaitu bagi kawasan penanaman padi di negeri Kedah, luar daripada kawasan MADA ialah seluasnya 43,000 hektar sawah. Ia melibatkan lebih 35,000 orang peladang-peladang. Kebanyakan sawah padi yang diusahakan hanyalah bergantung kepada air hujan. Terdapat juga

beberapa skim JPS Pengairan yang juga bergantung kepada air hujan untuk dialirkan ke sawah-sawah. Takungan atau ampangan air hanya digunakan bagi mengairkan kawasan MADA sahaja iaitu Ampangan MUDA dan Ampangan Pedu.

Hitung panjang peladang-peladang di negeri Kedah mempunyai keluasan 4 ckar sawah yang telah diusahakan sejak beberapa generasi. Kemahiran yang ada pada peladang ini hanyalah bersawah padi dan kerja-kerja kampung yang berkaitan dengannya. Keadaan atau faktor sawah yang berada di kawasan yang agak tinggi dan keadaan tidak rata juga menjejaskan pendapatan mereka.

Tuan Pengerusi, bencana-bencana yang saya maksudkan yang melibatkan petani-petani di dalam kawasan pertanian di Kedah ini ialah seperti berikut, iaitu banjir, kemarau, serangan penyakit dan serangan serangga. Faktor-faktor ini sentiasa menyebabkan petani terdedah kepada kerugian dan kemiskinan. Keadaan ini telah berlarutan sejak sebelum merdeka sehinggalah sekarang. Kebanyakan petani telah merasakan fakta ini sebagai asam garam penanaman padi. Sepatutnya, Tuan Pengerusi, satu cara perlu difikirkan untuk mengatasi masalah tersebut.

Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, pihak Pertubuhan Peladang Negeri Kedah oleh sebab mereka menyedari hakikat ini, merasakan patutlah satu skim perlindungan tanaman padi dibentuk bagi membantu petani-petani. Pada tahun 1989, anggaran seluas 4,000 hektar sawah padi di negeri Kedah telah terjejas akibat kemarau. Seramai, 2,700 petani telah terlibat dan kerugian hasil ditaksirkan lebih \$5 juta. Petani-petani yang terlibat hanya menerima sahaja keadaan itu sebagai takdir. Tidak ada sesuatu badan atau agensi yang dapat membantu secara terus di atas kerugian yang dialami. Petani yang terlibat terpaksa juga mengharungi hidup ini

walaupun pendapatan dari hasil padi tidak didapati. Mereka juga tidak akan putus asa dari menanam padi sekali lagi kerana itulah satu-satunya punca pendapatan mereka.

Pihak Lembaga Pertubuhan Peladang dan Pertubuhan Peladang Negeri Kedah yang selama ini sebagai payung kepada peladang-peladang di seluruh negara merasakan sudah sampai masanya mewujudkan satu skim perlindungan yang dapat membuat petani-petani tanpa mengharapkan bantuan dari pihak yang lain.

Tuan Pengerusi, banyak faedah-faedah yang didapati dari program ini seperti yang pertama, kos input dapat dilindungi sekiranya peladang-peladang dilanda malapetaka. Yang kedua, pengeluaran akan dapat ditingkatkan. Yang ketiga, menggalakkan pengusaha-pengusaha tanah-tanah yang terbiar kerana adanya jaminan, dan banyaklah lagi yang saya tidak akan bacakan satu persatu, untuk menjimatkan masa.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, ada masa seminit lagi.

Dato' Haji Muhammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Terima kasih, Tuan Pengerusi, Jadi saya inginlah merayu kepada pihak Kerajaan bagi pihak Pertubuhan Peladang Negeri Kedah supaya dapat mengadakan sumbangan daripada pihak Kerajaan. Selain daripada kutipan-kutipan yang akan dibuat oleh pihak Pertubuhan Peladang sendiri daripada ahli-ahli mereka, mereka juga mengharapkan satu sumbangan sebanyak \$5 juta daripada Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri. Mereka juga mengharapkan pihak-pihak swasta yang mempunyai hubungan terus dengan peladang-peladang seperti kilang-kilang baja, syarikat-syarikat jentera, racun dan sebagainya digalakkan menyumbang kepada tabung ini dari masa ke semasa.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Masa sudah cukup.

Dato' Haji Muhammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Jadi, Tuan Pengerusi, saya ingin sekali lagi mencadangkan dan mengharapkan supaya pihak Kerajaan akan memberi perhatian yang serius pada kali ini di atas masalah yang dihadapi oleh pihak petani-petani. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Tuan.

6.00 *ptg.*

**Datuk Monggoh Orow (Tuaran);** Tuan Pengerusi, saya hanya akan membincangkan dua perkara sahaja di bawah Kementerian Pertanian, muka-surat 80, Maksud B.19, Butiran 090000, Kod 40000 di mana pada tahun 1990 terdapat peruntukan \$19,313,000 dan bagi tahun ini dicadangkan peruntukan \$21,258,800. Apa yang saya ketahui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (MAJUIKAN) mempunyai satu rancangan untuk menubuhkan Persatuan Nelayan. Pada masa ini persatuan itu belum lagi didaftarkan, di dalam proses pendaftaran. Saya ingin meminta kepada Kementerian Pertanian untuk membuat arahan kepada MAJUIKAN untuk mempercepatkan pendaftaran Persatuan Nelayan itu.

Tuan Pengerusi, tujuan, saya ialah supaya Kerajaan Persekutuan dapat memberi bantuan dengan seadil-adilnya kepada kaum nelayan oleh kerana apa yang saya tahu, kaum nelayan ini adalah termasuk dalam golongan orang miskin. Misalnya di Sabah, mengikut kajian yang telah dijalankan oleh Bank Pembangunan Asia ada lebih kurang 28,000 nelayan dan mereka ini adalah ditafsirkan sebagai golongan orang miskin.

Jika sekiranya Persatuan Nelayan ini sudah ditubuhkan, maka pihak-pihak yang berkuasa akan dapat menyatu-

padukan tenaga dan modal pihak nelayan, kerana di Sabah apa yang saya ketahui sebahagian besar kaum nelayan ini menjalankan penangkapan ikan sebagai satu mata pencarian hidup mereka secara individu dan jika sekiranya kita ambil andaian bahawa mereka hanya mempunyai modal yang kecil, sudah tentulah mereka ini tidak dapat membeli alat-alat penangkapan ikan yang modern dan sophisticated, dengan izin, dan akibatnya hasil pendapatan mereka itu sudah tentu sangat kecil dan mungkin tidak dapat menampung penghidupan keluarga mereka dan saya anggap mereka ini boleh dikatakan kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

Jika sekiranya Persatuan Nelayan ini sudah ditubuhkan, maka kita boleh membuat nelayan menjadi ahli persatuan dan apabila mereka sudah menjadi ahli, saya ingin mencadangkan di sini supaya Kerajaan Persekutuan memberi bantuan dalam bentuk wang tunai, misalnya tiap-tiap seorang ahli diberi bantuan \$100, hanya \$ 100 sahaja. Kerana apa yang saya tahu, banyak juga subsidi-subsidi yang diberikan kepada kaum-kaum yang lain, misalnya, penanam padi ataupun penanam getah.

Kalau sekiranya bantuan ini diberikan kepada nelayan melalui persatuan, maka ini akan mendatangkan hasil yang baik. Saya beri contoh, kalau sekiranya persatuan itu mempunyai keahlian sebanyak 1,000 orang dan Kerajaan memberi bantuan wang \$100 seorang, bermakna ada modal \$100,000. Persatuan ini akan dapat membeli alat-alat penangkapan ikan yang baik misalnya perahu-perahu tunda, pukapukat tunda yang besar, tetapi kalau seorang sahaja nelayan mempunyai modal \$100, sudah tentu kesannya tidak baik.

Saya cadangkan di sini supaya Kerajaan Persekutuan mengkaji cadangan ini dan memberi wang

bantuan kepada ahli-ahli Persatuan Nelayan sebanyak \$100 seorang kerana kalau cadangan ini dibuat, maka penghidupan nelayan akan menjadi baik dan tiada pihak yang lain yang akan mendapat nama yang baik kecuali Kerajaan Barisan Nasional dan bukan saya.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang saya ingin bangkitkan mengenai Maksud P.19, Kementerian Pertanian, di mukasurat 81, Butiran 00200 Bank Pertanian Malaysia, di bawah lajuk 09 Program Membantu Golongan Termiskin.

Bagi tahun 1990 sebanyak \$23,340,000 telah diperuntukkan, tetapi bagi tahun 1991 satu sen pun tidak ada. Dalam tempoh 1986 sehingga 1990, peruntukan berjumlah \$43,340,000. Saya hairan kenapa peruntukan ini tidak diberi bagi tahun ini? Saya fikir, masih lagi banyak rakyat Malaysia di negara kita ini yang masih miskin. Kenapa ini secara mengejut terus ditutup?

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, diperingatkan, cuma boleh menyentuh peruntukan yang tertera dalam perbelanjaan ini. Kalau yang tak ada ini, memang tak boleh bincangkan.

Datuk Monggoh Orow: Tuan Pengerusi, saya ingin tahu apakah sebab-sebabnya peruntukan tidak diberi kerana apa yang saya tahu banyak lagi warganegara Malaysia yang masih miskin. Adakah ini diadakan semata-mata waktu pilihanraya? Kerana tahun 1986 ada peruntukan, tahun 1990 pun ada peruntukan, kerana waktu pilihanraya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat dari Padang Terap.

6.07 *ptg.*

Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 80 iaitu Butiran 070000 Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Tuan Pengerusi, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) ini dibina dengan menggunakan wang yang banyak. Saya fikir, kalau tidak salah, sehingga kini capitalization, dengan izin, untuk MADA sahaja sudah mencapai \$500 juta. Di dalam pembinaan rancangan ini, ianya dikhaskan sebagai satu kawasan strategik yang mana gazet untuk kawasan yang dibuat iaitu kawasan ini untuk ditanam padi dua kali setahun. Kalau tak salah saya, 12 tahun yang lalu Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Kedah telahpun membuat satu structure plan pembangunan keseluruhan kawasan pertanian MUDA iaitu di Perlis dan di Kedah, yang mana kawasan-kawasan pembangunan bandar dan perumahan dikhaskan, baik di keliling Kangar, di keliling Jitra, di keliling Alor Setar dan juga di Guar Cempedak. Kerana ini adalah dibuat adalah untuk memastikan bahawa resource allocation Kerajaan, dengan izin, dilakukan secara logik, secara rasional, kerana Kerajaan meminjam wang daripada Bank Dunia untuk membangunkan kawasan ini sebagai jelapang padi untuk negara. Jadi, apabila wang Bank Dunia itu dilaburkan kepada satu-satu tempat, maka tidak kenalah pada tempatnya pelaburan itu dirosakkan dengan kita datang membuat projek lain. Misalnya kalau projek di satu-satu kawasan di Rancangan Pengairan Muda itu dibuat projek MUDA II ataupun MUDA III yang mana "canal density" dinaikkan dengan menggunakan wang pinjaman dari luar negeri. Apabila selesai projek MUDA II, kawasan itu juga dilulus untuk pembinaan perumahan.

Misalnya kita labur \$5 juta di satu-satu kawasan untuk pertanian, tanam padi dua kali setahun, selepas pelaburan itu mula dijalankan projeknya tidak sampai tiga musim, kita luluskan pula untuk membuat rumah. Jadi, maksudnya pelaburan \$5 juta yang awal belum lagi mendatangkan pulangan, kita pergi pula ubah projek.

Saya tidak membangkang usaha untuk mendirikan rumah ataupun membesarkan kawasan perindustrian di Alor Setar, di Kangar ataupun di mana-mana tetapi biarlah satu perancangan yang logik diikuti malah struktur pelan telahpun diwujudkan, dahulu di mana setengah-tengah kawasan tidak boleh dibangunkan rumah, kerana kawasan telahpun dilabur dengan wang pinjaman. Wang pinjaman yang kena bayar walaupun 6% daripada Bank Dunia sekali pun, kerana wang itu wang pinjaman. Jadi, saya mintalah pihak Kementerian supaya memberi penjelasan sedikit.

Di dalam struktur pelan yang awal 12 tahun yang lalu yang mana saya terlibat dalam perancangannya, pembangunan perumahan ataupun non-farming development area, dengan izin, ianya melalui jalan ke arah kawasan Padang Terap iaitu ke arah Pokok Sena. Tetapi apa yang berlaku sekarang boleh dikatakan seluruh kawasan Kuala Kedah yang kaya ataupun yang mempunyai tanah yang cukup subur untuk pertanian dibina rumah. Ini satu allocation of resources yang cukup merugikan ataupun tidak cukup ekonomik. Jadi, saya minta kalau diikuti struktur pelan yang awal, yang mana pembangunan-pembangunan non-farm development, dengan izin, disalurkan ke kawasan saya. Jangan disalur ke kawasan Kuala Kedah. Kuala Kedah kita wujudkan pertanian 4 kali setahun. Kawasan saya adalah kawasan yang tidak mempunyai tanah yang subur. Ia lebih sesuai dibangunkan, kilang bangunan perumahan. Itu mengenai dengan rancangan Perairan MUDA.

Tuan Pengerusi, muka surat 81, Butiran 00200, Projek 02 dan juga 01 di bawah Bank Pertanian Malaysia. Saya hendak mengadu sedikitlah kepada Kementerian mengenai Bank Pertanian ini. Saya tidak kiralah sahabat saya dari Kuala Kedah jadi Pengerusi Bank Pertanian ini. Saya tidak kira itu. *(Ketawa)* Saya hendak mengadu sedikit

Bank Pertanian adalah satu bank, sebenarnya bukan bank. Ianya adalah institusi kewangan untuk pembangunan. Ianya diwujudkan untuk menolong petani-petani kecil. Tetapi sekarang ini banyak kes-kes yang berlaku, yang mana peladang-peladang kecil ataupun petani-petani marhin ini yang hendak meminjam wang daripada Bank Pertanian datang kepada saya di kawasan saya, tidak mendapat pinjaman hanya di atas alasan tidak mempunyai collateral ataupun sandaran yang cukup. Biasanya, seorang dari kawasan saya pergi hendak minta pinjaman sebanyak \$5,000. Dia bawa satu geran tanah yang hanya untuk dua relong tanah kampung. Dia disuruh pulang oleh pegawai Bank Pertanian dengan alasan dua relong tidak cukup jadi cagaran. Saya hendak tanya, apakah ini dasar Bank Pertanian yang objektifnya ialah untuk memberi modal kepada petani-petani yang kita hendak membela ini? Kalaulah ini caranya Bank Pertanian buat kerja, Bank Pertanian tidak mengikut objektif yang pertama, iaitu satu goal displacement, berlaku yang mana Bank Pertanian pada masa ini hanya hendak menunjukkan prestasi yang baik kerana di dalam mana-mana bank adalah lebih seronok bagi seseorang banker ataupun seseorang pemberi hutang ialah memberi hutang kepada orang yang hendak meminjam banyak dan cagarannya pun besar, kerana kosnya rendah, kerana kosnya tidak perlu memproses banyak permintaan yang remeh-temeh. Memang itu ideal kepada seseorang banker tetapi adakah Bank Pertanian hendak mengikut idealisme ini?

Jadi, kalau saya hendak marah Bank Pertanian ini, maka saya pun hendak menegur Kementerian sedikit. Jikalau hendak menilai Bank Pertanian, janganlah menilai tentang kos operasinya. Memang kos operasi Bank Pertanian adalah tinggi, kerana kalau ia hendak meluluskan \$100,000 kepada 100 orang, kos operasinya memang tinggi, lebih tinggi daripada meluluskan \$100,000 kepada dua orang.

Jadi, kalau pihak Kementerian hendak menilai, bukanlah saya hendak membela sahabat dari Kuala Kedah. Kalau Bank Pertanian hendak menilai, janganlah digembar-gemburkan dengan soal kos operasi, yang kita gunakan ciri-ciri ataupun rajah penilaian, mestilah banyak mana wang Bank Pertanian yang diperuntukkan oleh Kerajaan sebanyak \$300 juta itu sampai kepada petani-petani yang memerlukannya, yang benar-benar memerlukannya dan juga bagaimana Bank Pertanian itu mengutip balik wangnya. Adakah ia dapat balik, saya belum lagi menanya banyak mana, berapakah percentage pengutipan balik Bank Pertanian sekarang. Setahun dahulu pun saya bertanya—tidak ada jawapan. Saya harap pihak Kementerian boleh bagi jawapan kepada saya kerana saya tanya Pengerusinya di luar Dewan pun, dia tidak mahu bagi jawapan. *(Ketawa)* Banyak mana kutipan balik hutang Bank Pertanian?

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, muka surat 82, Butiran 00800 Lembaga Kemajuan Pertanian Muda iaitu di bawah Maksud Pembangunan P.19 iaitu saya menyerulah jikalau Lembaga ini hendak menjalankan kerja pembangunannya yang mana ini diminta di dalam seluruh projek \$294 juta, adakah ini termasuk pembinaan ampangan-ampangan yang dirancangan 10 tahun dahulu, misalannya Nauk Reman dan juga Jeniang Dam, yang mana, pada masa ini berlaku pertukaran iklim kawasan Perlis, Kedah, Perak Utara dan Kelantan Utara adalah satu belt yang bukan sahaja merupakan Qoraan Belt,

lanya merupakan satu belt kemarau arid area, dengan izin, yang selalu kemarau. Jadi, kawasan ini memerlukan pembinaan jaringan ampangan-arnpangan untuk menentukan bahawa tidak berlaku bencana-bencana kemarau yang teruk, yang bukan sahaja akan memberi kesan kepada penduduk-penduduk miskin dan petani-petani di kawasan itu malah kepada kawasan pembangunan perindustrian di Pulau Pinang dan juga di persisiran negeri Kedah. kerana, saya berpengalaman dalam bidang ini dan kalau kita tangguh lagi pembinaan ini selama 5 tahun ataupun 10 tahun lagi, kosnya akan meningkat.

Misalnya dahulu, pembinaan Ampangan Aning yang kalau dibina pada tahun 1975, apabila gagasan dibuat ianya mungkin hanya menelan ongkos sebanyak \$30 juta. Tetapi apabila akhirnya dibina pada tahun 1984 dan 1985, kosnya meningkat sampai dekat \$80 juta. Jadi, saya harap di dalam hal ini, di dalam menentukan perancangan pertanian, perancangan bukan sahaja pertanian malah soal sosio-ekonomi di kawasan itu perlulah satu decision, dengan izin, dibuat mengikut resource allocation dan timingnya sekali supaya kita tidak membazirkan wang.

Sekian, Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Arau.

*6.18 ptg.*

**Tuan Shahidan bin Kassim (Arau);** Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap di bawah tajuk yang sama dengan rakan saya dari Padang Terap tetapi pendekatannya berlainan, mungkin ada dua tiga perkara yang sama.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud Bekalan 19, Butiran 01000 Pentadbiran Am. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini kerana lelah berjaya mentadbir perkara-perkara berhubung dengan pertanian

sampai ke tahap ini. Saya berani katakan di sini kerana semua orang akui berjaya dan cemerlang dan lebih berjaya lagi baru-baru ini bila Kementerian telah menunjukkan sikap keadilan mereka dengan memberi cop dacing kepada baja subsidi dan juga lain-lain lagi.

Baru-baru ini, saya balik ke kawasan saya, sebab saya balik tiap-tiap minggu, ada kawan-kawan saya yang jarang balik, terutamanya daripada DAP.

Ini orang PAS sendiri kerana kawasan saya ramai orang PAS. Dia kata: " Yang Berhormai, kalau sudah bubuh baja itu, guni baja dicap dacing, buku subsidi pun kena bagi cap dacing sebab mudah kita hendak buat kerja supaya tidak hilang." Ini orang PAS sendiri minta. Jadi, saya minta supaya buku subsidi juga dibubuh cap dacing untuk memudahkan supaya identiti dacing itu tidak mudah dilupai oleh mereka jadi senang mereka simpan. Sebab kita tahu orang-orang tua di kampung—Nilam Puri—dia susah hendak simpan benda-benda. Kalau sekiranya dia ada benda-benda yang ada nama yang sama itu, jadi senang dia simpan, macam susu cap Junjung. Dahulu susu cap Junjung terkenal, hendak pergi kedai pun beli susu cap Junjung ataupun marjerin Planta. Dia pergi kedai bukan dia kata marjerin, minta Planta satu, fasal Planta itu cap marjerin, padahal banyak lagi seperti Daisy Marjerin dan sebagainya. Demikian juga kalau ubat gigi—Colgate sahaja.

Jadi, untuk membolehkan pemikiran rakyat supaya senang dia hendak pergi dia bawa benda dacing itu senang dia dapat subsidi. Jadi, soal penipuan tidak timbul. Sekarang ini bila tidak ada cap dacing, ada penipuan, Mungkin ada orang PAS buat penipuan sedikit, mungkin DAP buat penipuan sedikit, mungkin ada orang kita juga yang buat penipuan sedikit. Jadi kita hendak elakkan supaya semua orang tidak tipu, semua orang sentiasa adil, semua pemikiran sama tentang dacing,

bubuhlah cap dacing di buku subsidi. Ini orang-orang PAS di kawasan saya pohonlah.

Yang keduanya, Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap fasal tajuk yang sama seperti kawan saya tadi berhubung dengan MADA, Butiran 070000—sebab seluruh kawasan saya terlibat dengan MADA—100%. Tidak ada satu kawasan pun yang tidak terlibat dengan MADA di dalam kawasan saya kerana di kawasan saya tidak ada pokok lain kecuali padi sahaja. Saya bersetuju dengan rakan saya dan apabila perancangan yang tidak betul dibuat oleh pihak berkuasa—ini bukan yang dibuat oleh MADA, MADA di dalam perancangannya itu sudah ada. Apabila dirujuk kepada MADA sehingga MADA akan menolak bahawa MADA tidak bersetuju dibuat kawasan perumahan atau buat kilang padi, MADA tidak bersetuju tetapi kadangkala Pihak Berkuasa Negeri leruskan juga. Jadi sekarang ini kita hendak tengok sejauh mana bidang kuasa MADA di dalam kawasannya itu yang sehinggakan Pihak Berkuasa Negeri boleh melanggar apa yang telah diputuskan oleh MADA—ini saya hendak tanya Kementerian.

Apabila terjadi macam soal pengairan ini, bila berlaku pembangunan yang tidak selaras dengan apa yang telah dirancang oleh MADA, maka kita lihat tanaman yang kita hendak buat dua kali itu sampai ke saat ini, Tuan Pengerusi, ada di kawasan saya orang tidak boleh mendapat air tepat pada masanya. Terpaksa pakai pam, ada sampai satu musim pun dia tidak boleh, dia cuma boleh buat bendang sekali setahun tetapi kena bayar hasil dua kali. Ini kita sudah timbulkan, kenapa dia dapat air sekali bayar hasil dua kali. Tetapi MADA kata kita akan siasat. Jadi, saya minta tolonglah, sebab Barisan tanya tolonglah. Walaupun yang minta ramai juga orang PAS, tetapi kita memperjuangkan soal rakyat, kita bagi tidak kira PAS atau UMNO.

Saya juga minta supaya MADA menguatkuasakan pelan strukturnya supaya Pihak Berkuasa Negeri tidak begitu berleluasa dengan membangunkan kawasan-kawasan yang sepatutnya kawasan pertanian dijadikan kawasan perumahan. Saya bersetuju sebagaimana yang berlaku masalah Kuala Kedah dan Padang Terap termasuk di kawasan saya, bukan di Kangar tetapi di Arau—tersilap itu. Di kawasan Arau yang menyebabkan kita lihat tempat yang saya tengok betul-betul kawasan padi, sekarang sudah ada papan tanda. Ada papan tanda yang dibubuh lima tahun dahulu walaupun rumah belum naik lagi tetapi mata kita sakit memandang. Sebab kita sebagai orang yang membela hal rakyat ini, sakit memandang tengok papan tanda perumahan akan naik dan sebagainya. Jadi, walaupun dia tidak naik tetapi hati tidak seronok memandang.

Yang keduanya fasal Bank Pertanian, Butiran 110000. Saya rasa Bank Pertanian ini, saya hendak minta Kementerian supaya lihat balik fungsi Bank Pertanian ini. Walaupun namanya bank tetapi dia bukan di dalam bentuk commercial bank, demikian juga Bank Simpanan Nasional. Jadi, apabila pihak Kerajaan menekankan bank dengan begitu hebat menyebabkan pegawai-pegawai bank terpaksa mengikut peraturan sedikit. Apabila terlampau mengikut peraturan, timbulah masalah Padang Terap dan sebagainya.

Bagi saya Bank Pertanian telah berjaya sekurang-kurangnya menolong petani-petani yang sepatutnya mendapat pertolongan. Tetapi malangnya apabila tekanan diberikan kepada mereka berbagai-bagai rupa, maka syarat mereka juga berubah. Dahulu syarat tidak berapa teruk sangat, tidak berapa ketat sangat, yang menyebabkan mudahlah petani sebab yang hendak meminjam ini petani. Dia bukan tahu berniaga, Tuan Pengerusi—petani. Dia bawa geran, bawa borang, dia hendak minta duit sahaja. Dia tidak tahu berniaga. Bank Pertanian pula

mengenakan bahawa pinjaman di bawah \$30,000 tidak kena faedah. Jadi, bank mana di dalam dunia ini boleh untung kalau tidak kena faedah. Bukan dibuat Bank Pertanian ini untuk mencari keuntungan tetapi untuk memberi perkhidmatan. Saya harap supaya PAS, DAP, Semangat46 mesti menyokong ini iaitu memberi perkhidmatan kepada petani. Kalau hendak komplek fasal Bank Bumiputra atau bank-bank lain, tidak apa, tetapi jangan Bank Pertanian sebab Bank ini khas untuk memberi perkhidmatan kepada petani.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Ipoh bangun.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Janganlah bangun, 10 minit sahaja. Tetapi dia tidak mahu duduk, cakap apa dia?

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan. Untuk menyelesaikan masalah-masalah seperti pinjaman daripada Bank Pertanian dan juga beg daging itu, adakah Yang Berhormat dari Arau mencadangkan semua benda-benda yang berada di kawasan Arau sana itu macam parit boleh ditukar nama menjadi Parit BN 1, BN 2, BN 3, jalan pun diubahkan menjadi Jalan BN 1, Jalan BN 2 dan juga adakah Yang Berhormat dari Arau bercadang .....

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, saya hendak mencelah sedikit adakah Yang Berhormat dari Arau itu menyentuh perkara yang dibangkitkan?

Tuan Lau Dak Kee: Ya, sama ada Yang Berhormat dari Arau bersetuju bahawa Bank Pertanian itu ditukarkan menjadi Bank BN. Maka semua perkara itu dapat dibereskan dan diselesaikan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Satu minit lagi. Sekarang ini saya hendak beritahu Yang Berhormat bahawa Yang Berhormat ini—saya minta maaf saya hendak guna bahasa yang elok—Yang Berhormat ini kurang ariflah sedikit. (*Ketawa*) Yang Berhormat tahu atau tidak yang dikatakan Bank Pertanian ini bukan orang BN sahaja pinjam. Kita tidaklah pula tulis orang yang datang ini orang BN, PAS—malah ramai di kawasan saya yang pinjam dari Bank Pertanian ialah orang PAS. Yang paling kuat sekali mengambil baja subsidi ialah orang PAS. Subsidi ini pukul 7.00 pagi orang PAS sudah queue. Orang BN ini dia ingat biarlah, dia tunggu kemudian sedikit pun tidak apa. Jadi, ini menunjukkan dah segi pinjaman tidak kira BN, tidak kira DAP, tidak kira siapa. Tetapi jika sekiranya Yang Berhormat hendak mencadangkan supaya jalan dibubuh Jalan BN 1—saya bersetuju. Kami semua bersetuju di sini. Saya ingat elok juga supaya pemikiran orang tentang BN, BN sebab BN lah yang paling banyak berjasa kepada rakyat (*Tepuk*) dan juga ....

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, ada dua minit lagi.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya bercakap tadi kurang seminit, saya minta sambung seminit esok.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya hendak cakap fasal MARDI. Butiran 050000. MARDI ini saya ingin bertanya kepada Kementerian baru-baru ini kita telah meluluskan Rang Undang-undang bahawa MARDI boteh mengadakan usahasama dengan mana-mana usahawan berhubung dengan penyelidikan MARDI. Sejauh manakah undang-undang ini telah dilaksanakan oleh MARDI, siapakah yang telah diusahasama sebab ada Wakil dari Kepong dahulu dia mempertikaikan perkara ini sebab dia takut MARDI menyalahgunakan kuasa. Tolong terangkan kepadanya supaya dia faham dan apabila

dia faham dia tidak lagi membuta tuli bertanya soalan-soalan yang tidak sesuai dengannya. Saya hendak tahu siapa yang telahpun terlibat, apakah kejayaan yang telah dicapai oleh MARDI selama ini berhubung dengan perkara tersebut.

Berhubung dengan MARDI, saya hendak bercakap fasal tikus. Ini penting walaupun semua orang sudah balik orang akhbar pun tak ada, sebab tikus ini, Tuan Pengerusi, merupakan masalah yang paling utama dalam kawasan MADA sekarang. Kalau Tuan Pengerusi pergi dan Tuan Pengcrusi jenis yang takut tikus, Tuan Pengerusi turun kereta sahaja, kita akan dengar tikus berlari-lari, berbunyi-bunyi. Ada setengah tikus sebesar seekor kucing. (*Ketawa*) Ini betul, ini bukan melawak. Kalau hendak saya boleh bawa esok dan tunjuk di Parlimen, bukti bahawa saya tidak cakap salah.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Masa sudah suntuk.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya hendak maklumkan bahawa tikus sehingga sebesar kucing dan kucing saya yang saya bela dua tiga ekor takut kepada tikus ini (*Ketawa*) sebab tikus terlampau besar. Ini bukti dalam kawasan MADA. Saya minta MARDI sebab MARDI telah buat kajian di dalam kawasan kelapa sawit. Dia bela burung hantu yang boleh makan tikus tetapi burung hantu yang makan tikus di kawasan kelapa sawit ialah ukus yang kecil-kecil. Macam mana hendak buat kepada tikus yang besar ini. Kita telah buat gotong-royong, Tuan Pengerusi, untuk membunuh tikus dan baru-baru ini saya hendak menganjurkan gotong

royong yang melibatkan semua orang. Kita hendak bayar seekor tikus berapa sen. Saya sudah kira dan saya terpaksa mengeluarkan banyak ribu juga sebab beratus ribu tikus sekarang dan ....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa untuk Yang Berhormat berbahas sudahpun cukup.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya minta sambung esok seminit lagi sebab tikus ini penting.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Tidak ada masa lagi. Kita kena patuhi apa yang saya telah putuskan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya bercakap tadi kurang seminit sebelum itu.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** 10 minit sudah cukup.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sebab Yang Berhormat dari Ipoh kacau tadi. Saya minta fasal tikus ini, tolong buat kajian mengenai tikus supaya kita buat sesuatu untuk menyelesaikan masalah tikus. (*Ketawa*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Kita sambung esok.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*